
Ayyuhā al-Walad

DUHAI ANAK

أيها الولد

Imām al-Ghazālī



Penterjemah
Muhammad Yusra Hulaimi

DUHAI ANAK

DUHAI ANAK

IMAM AL-GHAZĀLĪ

TERJEMAHAN OLEH:
YUSRA HULAIMI

BIBLIO PRESS

The Biblio Press
2024

Cetakan pertama, Januari 2024
Cetakan kedua, Februari 2024
Cetakan ketiga, Jun 2024
Cetakan keempat, Ogos 2024
Cetakan kelima, Ogos 2024
Cetakan keenam, Jun 2025
Cetakan ketujuh, Julai 2025
Cetakan kesembilan, Oktober 2025
Cetakan kesepuluh, Oktober 2025
Cetakan kesebelas, Oktober 2025
Cetakan keduabelas, November 2025

© Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada penerbit.

ISBN:
The Biblio Press Enterprise
Diterbitkan oleh:
G-22, Menara Mutiara Majestic,
15, Jalan Othman,
46000, Petaling Jaya,
Selangor.

Hubungi:

014-9470499
penerbitan@thebibliopress.com
thebibliopress.com
The Biblio Press
@bibliopress
@bibliopress

Penterjemah: Yusra Hulaimi
Penyunting: Ahmad Muziru Idham
Pereka sampul: Akademi Jawi
Pereka letak dan atur huruf: Fitri Sahari & Erma

Dicetak oleh:
BS Print
No.10, Jalan Indrahana 1, Taman Indrahana,
58200 Kuala Lumpur,
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur


Kandungan

Pengantar Penterjemah vii

Duhai Anak 1

Bibliografi 49
Indeks 53

Pengantar Penterjemah



Abū Ḥāmid al-Ghazālī merupakan seorang tokoh Islam yang tidak perlu diperkenalkan lagi. Nama dan reputasinya terkenal dalam kalangan masyarakat Islam dan Barat, dengan nama Latinnya *Algazel*. Pun begitu, masih sangat sedikit buah fikirannya difahami secara sedar oleh masyarakat – terutamanya Muslim sendiri.

Kebanyakan pegangan masyarakat tentang agama Islam diimani secara ikut-ikutan. Meskipun hal tersebut bukanlah sesuatu yang buruk bagi masyarakat awam, tetapi adalah lebih baik sekiranya asal usul pegangan tersebut dapat ditelusuri salasilahnya. Dan jika ditelusuri dengan cermat,

maka akan didapati bahawa sebahagian besar buah fikiran dan pegangan tersebut adalah hasil pengaruh pemikiran beliau.

Di tangan pembaca ini adalah sebuah terjemahan salah satu karya ringkas al-Ghazālī yang berjudul *Ayyuha al-Walad*. Judul tersebut diterjemahkan kepada *Duhai Anak*. Ia merupakan seutus surat yang ditulis sebagai jawapan kepada kegusaran salah seorang muridnya. Oleh sebab sifat penulisan yang berbentuk nasihat ini, justeru kandungannya amatlah sesuai untuk dibaca oleh setiap lapisan masyarakat.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang perlu diberikan perhatian. Oleh itu, perkara-perkara tersebut saya sertakan dalam kaedah penterjemahan ini. Pertama, meski pun penulisan ini mengandungi isi yang paling ringan antara semua karya al-Ghazālī, namun ia diutuskan kepada salah seorang muridnya yang paling lama berada dalam didikannya. Jika sebuah perbandingan dibuat, al-Ghazālī sendiri merupakan seorang 'gergasi intelektual' yang diiktiraf sejak zaman-berzaman. Justeru, tentunya tahap keilmuan anak muridnya juga tidak kurang mengagumkan. Tidaklah berlebihan jika dikatakan anak murid beliau juga memiliki taraf yang lebih tinggi berbanding mana-mana alim ulama' yang hidup pada zaman kini.

Ini bermakna kandungan surat ini tidaklah begitu ringkas dan boleh difahami secara langsung. Misalnya, apabila al-Ghazālī memerihalkan kepercayaan yang

berpegang bahawa kejayaan akhirat boleh dicapai hanya dengan ilmu semata-mata, beliau sebenarnya sedang merujuk kepada doktrin para ahli falsafah Islam yang dikenali dengan nama Masha'iyyūn.

Selain itu, apabila beliau menasihati muridnya dengan kepentingan menyucikan diri dan perjalanan rohani, beliau menggunakan istilah ahli Ṣūfī. Di sini sudah melibatkan pelbagai lapisan doktrin *taṣawwuf*. Semua ini adalah lapisan-lapisan makna yang hanya mampu difahami oleh seseorang yang telah mahir pelbagai bidang ilmu agama (*al-'ulūm al-dīniyya*h). Semua ini juga memerlukan ulasan jika makna-makna yang tersirat itu hendak difahami oleh orang-orang awam

Kedua, al-Ghazālī merujuk di beberapa tempat dalam risalah ini tulisan-tulisannya yang lain seperti *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, *al-Munqidh min al-Ḍalāl*, *Kimiyyāt al-Sa'ādah*, dan lain-lain. Semua rujukan tersebut dibuat tanpa nota kaki atau sumber karya asalnya pula tidak disebut secara terperinci. Oleh itu, saya turut menyertakan nota kaki yang memaklumkan karya-karya lain yang menjadi bahan rujukan beliau.

Ketiga, saya juga telah mengulas secara ringkas beberapa konsep dan doktrin yang perlu diperjelaskan agar makna keseluruhan perenggan dan teks dapat difahami dengan tersusun. Rujukan-rujukan tersebut tidak terbatas kepada tulisan-tulisan al-Ghazālī sahaja. Sebaliknya, saya

sertakan juga karya-karya yang ditulis oleh nama-nama besar lain seperti al-Sharīf al-Jurjānī, 'Abd al-Razzāq al-Qāshānī, Ibn Manẓūr, dan lain-lain.

Ini bertujuan bagi menjelaskan dua perkara: (1) bahawa pengaruh al-Ghazālī begitu meluas sehingga diiktiraf oleh para ilmuwan yang hidup beberapa generasi selepas beliau; dan (2) bahawa pemikiran Islam mempamerkan sebuah ciri yang disebutkan oleh Prof. Dr. Wan Mohd Nor Wan Daud sebagai *dynamic stability* dan *stable dynamism,* di mana para pemikir Islam memperagakan daya kreatif tanpa menggadaikan asas-asas agama.


Keempat, saya juga telah menyertakan beberapa karya tulisan Tan Sri Prof. Dr. Syed Muhammad Naquib al-Attas sebagai rujukan tambahan. Prof. al-Attas juga merupakan seorang tokoh besar Islam kontemporari, dan beliau diberi jolokan neo-Ghazālī. Ini kerana unsur-unsur pemikiran beliau sangat hampir dengan pemikiran al-Ghazālī. Selain itu, beliau juga telah menempatkan pemikiran al-Ghazālī dalam konteks moden agar kekal relevan. Dan ini adalah satu fakta yang sangat penting kerana persamaan dan kerelevanan itu membuktikan dengan lebih lanjut sifat keilmuan dalam tamadun Islam sebagaimana yang disebutkan dalam perkara ketiga di atas.

Justeru, dengan usaha terjemahan yang kecil ini, diharapkan agar ia mampu menjadi papan tanda untuk mengarahkan para pembaca kepada sumber bacaan Islam yang

lebih autoritatif dan tinggi. Oleh itu, pembaca akan mampu untuk memahami agama Islam dengan lebih mendalam dan kritikal. Sungguh, Islam ini bukanlah sebuah agama untuk orang-orang yang tidak cerdik.

Untuk terjemahan ini, saya landaskan usaha ini berdasarkan versi Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris terbitan *Islamic Texts Society* yang berjudul *al-Ghazālī: Letter to A Disciple (Ayyuha al-Walad) – bilingual English-Arabic Edition* yang diterjemahkan oleh Tobias Mayer.

Duhai Anak



Dengan Nama Allah, Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam. Hasil yang baik itu adalah untuk orang-orang yang bertaqwa. Serta selawat dan salam ke atas Nabi-Nya, Muhammad, dan sekalian ahli keluarganya.

Ketahuilah bahawa salah seorang murid yang terawal (*al-ṭalabah al-mutaqaddimin*) telah melazimi khidmat terhadap Shaykh Imam Zayn al-Dīn Ḥujjat al-Islām Abu Ḥāmid al-Ghazālī – semoga Allah mengkuduskan rohnya, dan dia telah menyibukkan dirinya dengan pemerolehan dan penelaahan ilmu sehinggakan dia telah mahir perincian ilmu-ilmu (*daqā'iq al-'ulūm*) tersebut dan telah menyempurnakan fadilat - fadilat jiwa (*faḍa'il al-nafs*). Kemudian, pada suatu hari, dia memikirkan keadaan

dirinya dan terlintaslah dalam pertimbangannya, seraya berkata: "Sesungguhnya aku telah menelaah pelbagai jenis ilmu, dan telah menghabiskan umurku untuk mempelajari serta memahirinya. Kini, memadailah bagiku untuk mengetahui yang manakah akan bermanfaat bagiku esok hari dan menemaniku di dalam kubur? Dan yang manakah tidak bermanfaat untukku agar aku tinggalkannya, sepertimana dalam sabda Rasulullah SAW: 'Ya Allah, aku berlindung dengan-Mu daripada ilmu yang tidak bermanfaat.'"[1]

Kegusarannya itu berlangsung untuk beberapa lama sehinggakan dia menulis kepada Shaykh Ḥujjat al-Islām Abū Ḥāmid al-Ghazālī – semoga Allah merahmatinya – untuk memohon fatwa daripadanya, bertanyakan soalan kepadanya tentang permasalahan tersebut, serta meminta nasihat dan doa. Fikirnya, "Meskipun tulisan-tulisan sang Shaykh seperti *Iḥyā'* dan lain-lainnya sudah cukup lengkap untuk menjawab persoalanku, akan tetapi maksudku adalah agar sang Shaykh menuliskan untukku sebuah pesanan dalam beberapa helai muka surat yang boleh aku sematkan sepanjang hidupku dan boleh aku amalkan apa yang terdapat dalamnya sepanjang umurku, dengan izin Allah." Maka, sang Shaykh pun menulis risalah ini kepadaku sebagai jawapan. Allah lebih mengetahui akan hakikat sebenarnya.

1 Muslim, *Kitāb al-Dhikr*, 73.

☪☪☪

Ketahuilah duhai anak yang dikasihi dan istimewa (*al-'azīz*) – semoga Allah mengekalkanmu dalam ketaatan kepada-Nya dan berjalan bersamamu dalam jalan para kekasih-Nya – bahawa sesebuah nasihat itu hendaklah terbit daripada lombong kenabian (*ma'din al-risālah*). Jika telah sampai kepadamu nasihat daripadanya, maka apakah lagi keperluan bagimu akan nasihatku? Akan tetapi jika belum pernah sampai kepadamu, maka khabarkan kepadaku apakah yang telah engkau perolehi sepanjang tahun-tahun yang telah berlalu?

☪☪☪

Duhai anak, salah satu yang terkandung dalam nasihat Rasulullah SAW kepada umatnya: "Salah satu tanda Allah menjauhkan diri daripada seorang hamba ialah kesibukannya dalam perkara yang tidak ada kena-mengena dengan dirinya, dan seseorang itu jika berlalu walaupun sejam daripada umurnya dalam selain apa yang diciptakan untuknya daripada ibadah, maka sudah memadai untuk dipanjangkan penyesalannya. Dan barang siapa yang melepasi umur empat puluh, sedangkan kebaikannya belum menjangkaui keburukannya, maka bersedialah untuk Neraka."[2] Dan dalam nasihat ini sahaja sudah memadai untuk seorang ahli ilmu.

2 Ibn Mājah, *Kitāb al-Fitan*, 12.

☪☪☪

Duhai anak, memberi nasihat itu mudah. Yang payah adalah menerimanya, kerana menurut cita rasa orang-orang yang menuruti hawa nafsu, ia pahit kerana perkara-perkara yang ditegah (*al-manāhī*) itu adalah yang digemari hatinya. Secara khususnya, ini adalah lebih-lebih lagi bagi seorang penuntut ilmu yang rasmi[3] dan bagi seorang yang sibuk dengan kemuliaan diri dan ganjaran dunia, kerana dia menganggap bahawa ilmu semata-mata akan menjadi penyelamat dan pembebasannya, dan bahawa dia terkecuali daripada mengerjakan amal. Dan ini ialah pegangan para ahli falsafah.[4] Maha suci Allah yang Maha Agung! Tidaklah si tertipu (*al-maghrūr*) ini mengetahui bahawa pada ketika dia memperoleh ilmu, jika dia tidak beramal dengannya, maka menjadi tetaplah ilmu itu sebagai hujah ke atasnya sepertimana yang telah disabdakan oleh Rasulullah SAW: "Sedahsyat-dahsyat

3 Ilmu rasmi yang dimaksudkan oleh al-Ghazālī merujuk kepada bidang-bidang yang menjadi arus perdana dan masyhur ketika zamannya. Ilmu-ilmu ini ialah ilmu-ilmu yang dibawakan oleh para ahli falsafah yang beraliran Masha'iyyūn atau Peripatetics yang terpengaruh berat dengan pemikiran Aristotle. Rujuk: Majid Fakhry, *A History of Islamic Philosophy* (New York: Columbia University Press, 2004), 228.

4 Seperti yang dipegang oleh Ibn Sīnā. Teori tersebut berpegang bahawa kebahagiaan akhirat dapat dicapai dengan menyempurnakan daya akliah. Kesempurnaan tersebut membenarkan manusia untuk wujud tanpa bergantung kepada jasad yang merasai kesakitan. Oleh kerana kebahagiaan hakiki bergantung kepada penyempurnaan akal, orang-orang yang tidak dapat mencapai perkara tersebut akan terpaksa menanggung derita jasadiah, disebabkan kegagalan jiwanya untuk melepaskan diri daripada jasad. Rujuk: Ibid., 148-150 dan Fazlur Rahman, *Avicenna's Psychology: A Translation of Kitāb al-Najāt* (London: Oxford University Press, 1952).

manusia yang akan diseksa pada hari Kiamat ialah seorang alim yang tidak Allah jadikan manfaat pada ilmunya."[5]

Diriwayatkan bahawa al-Junayd al-Baghdādī – semoga Allah mengkuduskan hatinya – dilihat dalam mimpi selepas kewafatannya, maka ditanyakan kepadanya: "Apakah perkhabaranmu, wahai Abū al-Qāsim?" Beliau menjawab: "Kenyataan tersebut telah jauh menyimpang dan telah menjadi sia-sia nasihat yang seperti itu,[6] dan tidaklah menjadi manfaat untuk kami melainkan sedikit rakaat yang kami kerjakan di tengah malam."

☪☪☪

Duhai anak, janganlah engkau menjadi muflis daripada amalan-amalan dan janganlah menjadi kontang daripada *aḥwāl*,[7] kerana engkau boleh menjadi yakin bahawa ilmu semata-mata tidak akan sesekali mengundang pertolongan. Ia seperti seorang lelaki yang memiliki sepuluh pedang India berserta pelbagai senjata lain – dan lelaki tersebut merupakan seorang pahlawan yang berani – dan seekor singa yang besar dan menakutkan menyerangnya. Maka apakah pendapatmu? Mampukah senjata-senjata itu menyelamatkannya daripada

5 Ismā'īl al-Jarrāḥī, *Kashf al-Khafā'*, Jilid 1, Hadith 376.

6 Yakni pegangan para ahli falsafah.

7 Yakni keadaan jiwa yang berubah menurut keakrabannya dengan Allah. Keadaan jiwa ini tidak boleh diperolehi dengan usaha sendiri, melainkan dihadiahi (*mawhūb*) dengan sebab kepemurahan Allah. Dan kepemurahan tersebut hanya boleh diundang dengan amalan. Rujuk: 'Abd al-Razzāq al-Qāshānī, *Laṭā'if al-I'lām fī Ishārāt Ahl al-Ilhām* (Cairo: Maktabah al-Thaqafah al-Diniyyah, 2005), 332.

bahaya tersebut tanpa ia digunakan dan dihunus? Jelas, ia tidak akan menjauhkannya daripada bahaya melainkan jika dihayun dan dipalukan dengannya.

Maka, begitu juga jika seorang pemuda menelaah seribu permasalahan ilmiah dan memahaminya, namun tidak beramal dengannya, ia tidak akan sekali-kali memberikan sebarang faedah melainkan dengan amal. Dan seperti itu juga halnya dengan seorang pemuda yang menghidap demam dan kekuningan yang boleh dirawat dengan *sakanjabīn*[8] dan *kashkāb*,[9] tidak akan sekali-kali beroleh pemulihan melainkan dengan menggunakannya.

Sekalipun engkau hidangkan dua ribu piala berisi arak,

Melainkan jika engkau meneguknya, tiadakan dapat olehmu mabuknya![10]

8 Atau nama lainnya oximel, iaitu campuran madu dan cuka.

9 Iaitu campuran berasaskan barli.

10 Terjemahan syair ini adalah daripada syair asal yang berbahasa Parsi. Al-Ghazālī adalah seorang yang berbangsa Parsi. Justeru, sudah tentu beliau memahiri bahasa tersebut. Tentang kelebihan bangsa Parsi, daripada Abū Hurayrah, berkata: "Kami sedang bersama Rasulullah SAW pada ketika turunnya Surah al-Jumu'ah. Maka, ketika Baginda membaca ayat: 'Dan juga (telah mengutuskan Nabi Muhammad kepada) orang-orang yang lain dari mereka, yang masih belum (datang lagi dan tetap akan datang) menghubungi mereka.' Bertanyalah seorang lelaki: 'Siapakah gerangan mereka itu, ya Rasulullah?' Maka, apabila SAW tidak menjawabnya, dia bertanya sekali lagi, atau dua kali, atau tiga kali – dan ketika itu Salmān al-Fārisī bersama kami. Maka, Rasulullah SAW pun meletakkan tangannya pada Salmān dan bersabda: 'Jika iman itu ada pada al-Thurayyā, pasti salah seorang daripada orang-orang ini (orang Parsi) akan menemuinya.'" Al-Thurayyā merujuk kepada gugusan bintang yang paling jauh menurut orang

Dan sekalipun engkau berteleku menelaah ilmu selama seribu tahun dan menghimpunkan seribu kitab, tidak akan sekali-kali engkau menjadi layak untuk rahmat Allah melainkan dengan amal. Sepertimana firman-Nya: "Dan bahawa sesungguhnya tidak ada (balasan) bagi seseorang melainkan (balasan) apa yang diusahakannya."[11]; "Oleh itu, sesiapa yang percaya dan berharap akan pertemuan dengan Tuhannya, hendaklah ia mengerjakan amal yang soleh..."[12]; "..sebagai balasan bagi apa yang mereka telah usahakan."[13]; "Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh, disediakan bagi mereka Syurga-syurga Firdaus, sebagai tempat tetamu (yang serba mewah). Mereka kekal di dalamnya, (dan) tidak ingin berpindah daripadanya."[14]; "Kemudian mereka digantikan oleh keturunan-keturunan yang mencuaikan sembahyang serta menurut hawa nafsu (dengan melakukan maksiat); maka mereka akan menghadapi azab (dalam Neraka), kecuali orang-orang yang bertaubat dan beriman serta beramal soleh, maka mereka itu akan

Arab. Hadith ini memaksudkan jika iman itu adalah sesuatu yang sukar untuk ditemui dan tersembunyi di sudut yang paling jauh dalam alam, maka pasti jika ada orang yang dapat menjumpainya, tentulah orang itu berbangsa Parsi. Justeru, dalam sejarah terdapat ramai ilmuwan dan ulama' yang lahir dari bumi Parsi seperti al-Ghazali, Ibn Sina, Ibn Miskawayh, Sibawayh dan ramai lagi.Rujuk: Muslim, *Ṣaḥiḥ Muslim, Kitab Faḍa'il al-Ṣaḥābah*, Hadith 327. Untuk gambaran suasana keilmuan Islam di kawasan Parsi (kini Iran), rujuk: Seyyed Hossein Nasr, *Islamic Philosophy from Its Origin to the Present: Philosophy in the Land of Prophecy* (New York: State University of New York Press, 2006).

11 Surah al-Najm 53:39.

12 Surah al-Kahf 18:110.

13 Surah al-Tawbah 9:82.

14 Surah al-Kahf 18:107-108.

masuk Syurga, dan mereka pula tidak dikurangkan pahala sedikit pun."[15]

Dan apa pula pendapatmu terhadap Hadith ini: "Islam dibina atas lima perkara: mengangkat saksi bahawa tiada tuhan selain Allah, dan Muhammad ialah Rasulullah; mendirikan solat; mengeluarkan zakat; berpuasa di bulan Ramadan; dan menunaikan Haji bagi yang mampu."[16]

Iman itu ialah pengikraran oleh lidah, dan penyungguhan oleh hati, serta beramal dengan rukun-rukun Islam – dan dalil bagi kemestian amal itu lebih banyak daripada apa yang mampu dihitung. Sungguhpun seorang hamba itu mencapai Syurga dengan kurniaan Allah, akan tetapi dia menjadi layak untuk kurniaan tersebut hanya selepas dia membuktikan ketaatan dan pengabdiannya. Ini kerana "Rahmat Allah itu dekat bagi mereka yang *muḥsinīn*."[17]

Dan jika dikatakan juga: "Dia mencapai Syurga hanya dengan iman semata-mata." Kami menjawab: "Ya. Akan tetapi, bilakah akan dia mencapainya? Dan berapa banyak halangankah yang harus dia tempuh sebelum tiba? Bahkan, halangan yang pertama ialah halangan iman (*ʿaqabat al-īmān*) itu sendiri, yakni adakah dia akan selamat daripada penafian iman (*salb al-īmān*)[18] ataupun tidak? Dan sekalipun dia tiba, adakah dalam keadaan gagal dan muflis?" Sedangkan al-Ḥasan

15 Surah Maryam 19:59-60.

16 Bukhārī, *Kitāb al-Īmān*, 1.

17 Surah al-Aʿrāf 7:56.

18 Yakni iman yang dianggap tidak mengandungi sebarang nilai di sisi Allah.

al-Başrī pernah berkata: "Allah akan berfirman kepada hamba-hamba-Nya pada Hari Kiamat: 'Masuklah, wahai para hamba-Ku, ke dalam Syurga dengan rahmat-Ku dan bahagikan ia dalam kalanganmu sesuai dengan kadar amalanmu.'"

☪☪☪

Duhai anak, selagi mana engkau tidak beramal, selagi itu engkau tidak akan memperoleh ganjarannya. Telah dihikayatkan bahawa seorang lelaki daripada Bani Israil telah beribadah kepada Allah selama tujuh puluh tahun. Maka, Allah berkehendak untuk memperagakannya kepada para malaikat. Maka, Allah pun mengutuskan seorang malaikat untuk mengkhabarkan kepadanya bahawa meski dengan ibadah yang seperti itu pun, masih sahaja dia belum cukup layak untuk menghuni Syurga. Pada ketika dia mendengar perkhabaran tersebut, dia menjawab: "Kami diciptakan untuk beribadah, maka memadailah ke atas kami untuk menyembah-Nya." Apabila pulang si malaikat, dia pun berkata: "Tuhanku, Engkau lebih mengetahui tentang apa yang dia tuturkan." Maka, Allah pun berfirman: "Oleh sebab dia tidak berpaling daripada beribadah kepada Kami, maka Kami pun tidak akan sesekali berpaling daripadanya dengan kepemurahan Kami! Saksikanlah, wahai para malaikat-Ku, bahawa sungguh Aku telah mengampuninya."

Rasulullah SAW juga telah bersabda: "Perhitungkan dirimu sebelum engkau diperhitungkan. Dan timbangilah amalanmu sebelum ia ditimbangkan untukmu."[19] Dan 'Alī telah berkata:

19 Al-Tirmidhī, *Kitāb al-Qiyāmah*, 25. Hadith ini merupakan asas kepada

"Barang siapa yang menyangka bahawa dia akan memperoleh sesuatu tanpa kesungguhan usaha, ialah seorang yang kuat angan-angan. Dan barang siapa yang menyangka bahawa dia akan memperoleh sesuatu dengan kesungguhannya sendiri, adalah seorang yang sombong." Dan al-Ḥasan berkata – semoga Allah merahmatinya: "Menuntut Syurga tanpa amal adalah sebuah dosa." Dan dia berkata pula: "Satu tanda hakikat sebenarnya adalah meninggalkan usaha mencermati amal, bukan meninggalkan amal."[20] Rasulullah SAW bersabda lagi: "Seorang yang bijaksana adalah yang menghakimi dirinya sendiri dan beramal untuk kehidupan selepas mati, dan seorang yang dungu adalah yang menuruti hawa nafsunya dan berangan-angan agar Allah menunaikan angan-angannya."[21]

☪☪☪

Duhai anak, sudah berapa malam yang telah engkau hidupkan dengan raptaian ilmu,[22] menelaah kitab-kitab, dan mengharamkan tidur ke atas dirimu sendiri? Tidaklah

amalan yang biasa dilakukan oleh ahli Şūfī yang dinamakan dengan amalan *muḥāsabah*. Seorang ahli Şūfī yang terkenal dengan amalan tersebut ialah Ḥārith al-Muḥāsibī.

20 Yakni tidak terlalu memberikan perhatian kepada kuantiti ibadah. Ini kerana hal tersebut boleh menyebabkan seseorang merasakan terlalu yakin dan sudah cukup banyak ibadahnya, atau menyebabkan dia berasa putus asa dengan sebab ibadahnya yang amat sedikit. Adapun seorang hamba hendaklah memberikan perhatian kepada kualiti ibadahnya.

21 Al-Tirmidhī, *Kitāb al-Qiyāmah*, 25.

22 Iaitu perbuatan melakonkan babak-babak perdebatan antara diri dan musuhnya, berangan-angan tentang ketajaman hujah, kecerdasan akal, dan kelancaran pidatonya. Semua itu dengan tujuan meraih rasa kagum dan pengikut.

aku tahu akan apa yang engkau cari dengannya. Jika niatmu adalah untuk mendapatkan tawaran dunia, merebut godaan solekannya, memperoleh sebahagian daripadanya, dan memperagakan kehandalanmu kepada kenalanmu, maka celakalah engkau dan celakalah engkau sekali lagi! Akan tetapi jika niatmu adalah untuk menghidupkan syariat Nabi SAW mengasuh akhlakmu, dan menundukkan nafsu *al-ammārah bi al-sū'*,[23] maka berbahagialah engkau dan sekali lagi berbahagialah engkau! Dan benarlah seseorang yang pernah berkata:

"Mata yang berjaga kerana selain wajah-Mu, sia-sia;"

(*saharu al-'uyūni lighayri wajhika ḍā'i'un*)

"Dan tangis kehilangan selain untuk-Mu, palsu."

(*wa bukā'uhunna lighayri faqdika bāṭilun*)

23 Yakni nafsu manusia yang paling rendah yang sentiasa membuatkan manusia melakukan perkara-perkara yang buruk. Nafsu tersebut bermaharajalela disebabkan kelemahan jiwa *nāṭiqah* insan yang gagal menundukkan jiwa *ḥayawāniyyah*nya. Lalu, ia menyebabkan dia sentiasa menuruti keinginan jasadi dan bertentangan dengan fitrah rohaninya.
Kesengsaraan dan kebahagiaan yang dimaksudkan oleh al-Ghazālī tidak hanya merujuk kepada keadaan dan nasib akhirat. Akan tetapi, ia merujuk kepada keadaan di dunia juga. Orang-orang yang sentiasa menuruti keinginan hawa nafsunya tidak akan pernah hidup bahagia, manakala, orang-orang yang sentiasa cenderung menuturi fitrahnya akan mencapai keadaan jiwa yang tetap (*sakīnah*), lalu mencapai kebahagiaan (*sa'ādah*). Rujuk: Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Ma'na Kebahagiaan dan Pengalamannya dalam Islam* (Kuala Lumpur: IBFIM, 2014) dan Abu Ḥāmid al- Ghazālī *The Alchemy of Happiness* (Kuala Lumpur: Islamic Book Trust, 2016).



ↃↃↃ

Duhai anak, hiduplah selama mana mahumu, kau tetap 'kan mati; cintailah apa sahaja semahumu, kau tetap 'kan berpisah dengannya; kerjakanlah apa sahaja semahumu, kau tetap 'kan dibalas untuknya.

Duhai anak, apakah hasilnya bagimu daripada pemerolehan ilmu aqidah (*al-kalām*), pengucapan (*al-khilāf*), perubatan (*al-ṭibb*), persuratan dan sastera (*al-dawāwīn*), ilmu nujum (*al-nujūm*), prosodi (*al-'arūḍ*), tatabahasa (*al-naḥw*) dan morfologi (*al-taṣrīf*),[24] melainkan sekadar pembaziran usiamu dalam pertentangan dengan Sang Pemilik Keagungan (*Dhī al-Jalāl*)? Sungguh, aku telah melihat helaian Injil Nabi Isa a.s. (memerihalkan): "Dari saat sekujur mayat diletakkan ke dalam kerandanya sehinggalah dia diletakkan di ambang kubur, Allah – dengan keagungan-Nya – akan bertanyakan empat puluh soalan. Soalan yang pertama berbunyi: 'Hamba-Ku, selama bertahun-tahun engkau telah mempamerkan dirimu bersih di hadapan makhluk, tetapi tidak pernah sesaat pun engkau membersihkan dirimu untuk-Ku.'[25] Dan setiap hari Dia melihat ke dalam hatimu dan berkata: 'Sungguh, sanggup

24 Daripada senarai bidang ilmu yang disebutkan oleh al-Ghazālī, dapatlah diteliti bahawa suasana keilmuan sewaktu zaman beliau berkembang pesat dan merangkumi pelbagai bidang – dari ilmu bahasa sehinggalah ilmu alam. Untuk bacaan lanjut berkenaan pembahagian ilmu menurut al-Ghazālī, rujuk: Abū Ḥāmid al- Ghazālī, *The Message from on High (al-Risālah al-Ladunniyyah)*, terjemahan Margaret Smith (Kuala Lumpur: Islamic Book Trust, 2005) dan Osman Bakar, *Classification of Knowledge in Islam: A Study in Islamic Philosophies of Science* (Cambridge: The Islamic Text Society, 1998), 155-228

25 Matthew 6:1-6.

engkau kerjakan untuk selain-Ku, sedangkan kebaikan yang Aku hidangkan inilah yang engkau bergelumang dengannya?' Adapun engkau ini sungguh pekak dan tidak mendengar!"

☪☪☪

Duhai anak, ilmu tanpa amal adalah sebuah kegilaan, dan amal tanpa ilmu adalah nihil. Ketahuilah bahawa ilmu yang tidak menjauhkan engkau daripada maksiat hari ini dan membawamu kepada ketaatan tidak akan sesekali dapat menjauhkanmu daripada Neraka Jahannam. Dan jika engkau tidak beramal sesuai dengan tuntutan ilmumu pada hari ini dan menebus hari-harimu yang telah lepas, esok hari engkau akan merayu pada Hari Kiamat: "..kembalikanlah kami ke dunia supaya kami dapat mengerjakan amal-amal yang baik."[26] Dan engkau akan diherdik: "Wahai si dungu! Engkau baru sahaja datang dari sana!"

☪☪☪

Duhai anak, bersungguhlah dalam hal yang berhubungan dengan rohmu, dalam hal menundukkan nafsumu, dan dalam hal kematian badanmu, kerana penginapanmu (*manzil*) ialah kubur. Dan para penghuninya[27] sedang menantikanmu pada setiap ketika, dan bertanya bilakah engkau akan pergi kepada mereka. Awas, awas! Atau engkau akan pergi menemui mereka tanpa bekalan (*zād*). Abu Bakr telah berkata – semoga Allah

26 Surah al-Sajdah 32:12.

27 Iaitu segala jenis makhluk yang telah diletakkan di dalam kubur sebagai pendamping si mati, seperti ular, kala jengking, dan malaikat Munkar dan Nākir.

meredainya: "Jasad ini adalah sebuah sangkar burung dan sebuah kandang binatang yang melata (*al-dawāb*). Maka, fikirkanlah tentang dirimu – yang mana satukah engkau? Jika engkau adalah salah seekor burung syurgawi (*al-ṭuyūr al-ʿulwiyyah*), pada ketika engkau mendengar paluan yang menyeru 'Kembalilah kepada Tuhanmu..'[28], engkau 'kan menyayap ke langit tertinggi sehingga menghinggapi pacang-pancang tinggi Syurga, seperti mana yang telah disabdakan oleh Rasulullah SAW: 'Telah bergegar *ʿArash* al-Raḥmān dengan kewafatan Saʿd ibn Muʿādh.' Dan semoga Allah menjauhkan, jika engkau dalam kalangan binatang-binatang yang melata, sepertimana yang difirmankan oleh Allah: 'Mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi,'[29] maka janganlah engkau berasa aman daripada dipindahkan dari ceruk rumahmu ke gaung Neraka."

Dan telah diriwayatkan bahawa al-Ḥasan al-Baṣrī telah diberikan minuman sejuk, maka beliau mengambil cawan tersebut dan jatuh pengsan, lalu cawan tersebut jatuh dari tangannya. Apabila beliau sedar, ditanyakan kepadanya: "Ada apa denganmu, wahai Abū Saʿīd?" Beliau menjawab: "Aku terimbas sesalan para penghuni Neraka pada ketika mereka merayu kepada para penghuni Syurga: 'Limpahkanlah kepada kami sedikit dari air atau dari rezeki (makanan) yang telah dikurniakan oleh Allah kepada kamu.'"[30]

28 Surah al-Fajr 89:28.

29 Surah al-Aʿrāf 7:179.

30 Surah al-Aʿrāf 7:50

☪☪☪

Duhai anak, jika memadai bagimu ilmu semata-mata dan tiada engkau memerlukan amalan selainnya, maka seruan Allah, "Di manakah orang yang berdoa (*sā'il*)? Di manakah orang yang memohon pengampunan (*mustaghfir*)? Di manakah orang yang bertaubat (*tā'ib*)?"[31] akan menjadi lewah tanpa tujuan. Dan telah diriwayatkan bahawa sekumpulan daripada para sahabat – semoga Allah meredai mereka – menyebut tentang 'Abdullāh bin 'Umar – semoga Allah meredai kedua-duanya – ketika bersama Rasulullah SAW, maka Baginda bersabda: "Betapa dia seorang lelaki yang sangat baik. Alangkah lebih baik jika dia mengerjakan solat malam."[32] Dan Baginda SAW pernah bersabda kepada salah seorang sahabat: "Wahai fulan, janganlah engkau terlalu banyak tidur pada waktu malam, kerana banyaknya tidur pada waktu malam meninggalkan seseorang dalam keadaan fakir pada Hari Kiamat."[33]

☪☪☪

Duhai anak, "Dan bangunlah pada sebahagian dari waktu malam serta kerjakanlah sembahyang tahajjud padanya..."[34] adalah sebuah perintah, "Dan pada waktu akhir malam (sebelum fajar) pula, mereka selalu beristighfar kepada Allah

31 Iaitu apabila Allah "turun" ke langit dunia di sepertiga malam yang terakhir, mencari hamba-hamba-Nya yang bangun melakukan tahajud. Rujuk: Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Jilid 6, Hadith 203.

32 Bukhārī, *Kitāb Faḍā'il al-Ṣaḥābah*, 21.

33 Ibn Majah, *Iqāmah*, 174.

[34] ...rah al-Isrā' 17:79.

(memohon ampun)"[35] adalah sebuah penghargaan, "...dan orang-orang yang beristighfar (memohon ampun) pada waktu sahur"[36][37] adalah sebuah peringatan.

Telah bersabda Rasulullah SAW: "Tiga suara yang disukai Allah – suara ayam jantan (*al-dīk*), suara seorang yang membaca al-Quran, dan suara orang-orang yang beristighfar pada waktu sahur."[38] Telah berkata Sufyān al-Thawrī – semoga Allah merahmatinya: "Sesungguhnya Allah – *tabārak wa ta'ālā* – telah menciptakan sejenis bayu yang bertiup pada waktu sahur, yang membawa zikir-zikir dan istighfar kepada Sang Raja yang Maha Perkasa." Beliau juga telah berkata: "Apabila suatu malam bermula, maka menyerulah sang penyeru dari bawah *'Arash*: 'Wahai! Bangunlah para hamba!' Maka mereka pun bangun dan bersolat sekehendak Allah. Kemudian, di pertengahan malam penyeru tersebut menyeru lagi: 'Wahai! Bangunlah sekalian yang taat (*al-qānitūn*)!' Maka, mereka pun bangun dan bersolat sehingga waktu sahur. Kemudian, apabila tiba waktu sahur, sang penyeru menyeru lagi: 'Wahai!

35 Surah al-Dhāriyāt 51:18.

36 Waktu sahur merujuk kepada waktu sebelum imsak. Iaitu waktu malam yang paling sunyi sebelum bibit-bibit waktu siang mula kelihatan. Waktu tersebut dinamakan waktu *saḥūr* kerana kedamaian yang terdapat dalam waktu tersebut. Kalimah *saḥūr* berasal daripada kalimah *saḥar* yang bermaksud "kecantikan yang memukau". Ia juga merujuk kepada waktu makan sebelum mengerjakan ibadah puasa. Kata akar yang sama menghasilkan kalimah *siḥir* yang merujuk kepada ilmu hitam. Ini kerana ilmu hitam memukau mata untuk melihat sesuatu yang tidak wujud secara hakiki. Rujuk: Ibn Manẓūr, *Lisān al-'Arab*, Jilid 4 (Beirut: Dar Sadir, 2018), 135.

37 Surah Āli 'Imrān 3:17.

38 'Alī bin 'Abd al-Mālik al-Hindī, *Kanz al-'Ummāl*, Jilid 12, Hadith 35285.

Bangunlah sekalian hamba yang memohon keampunan (*al-mustaghfirūn*).' Maka mereka pun bangun dan beristighfar. Maka, apabila terbit waktu fajar, sang penyeru menyeru lagi: 'Wahai! Bangunlah sekalian orang yang lalai (*al-ghāfilūn*)!' Maka, mereka pun bangun daripada katil mereka seperti orang-orang mati yang dibangunkan daripada kubur mereka."

Duhai anak, telah diriwayatkan dalam wasiat-wasiat Luqmān al-Ḥakīm kepada anaknya, bahawa dia berkata: "Wahai anak kesayanganku, janganlah sekali-kali membiarkan seekor ayam jantan menjadi lebih geliga daripada engkau. Sedang ia berkokok pada waktu sahur, engkau masih lagi tidur." Sungguh telah berjasa dia yang memetik pujangga:

Dalam pekat malam, seekor merpati merintih
Saat Allah "menghadapkan" hamba kepadaNya tanpa saksi manusia
(*laqad hatafat fī junḥi laylin ḥamāmatun*)

Kesayuan di dahan pohon, sedang aku ketiduran.
dunia sementara, kelalaian hati
(*'alā fananin wahnan wa innī lanā'imu*)

Demi rumah-Nya, dusta aku! Jika benar aku kekasih,
hamba yg taat
(*kadhibtu, wa baytiLlāh, law kuntu 'āshiqan*)

Masakan tewas dengan tangisan merpati.
munajat hati yang sedar
(*lamā sabaqatnī bi al-bukā'i al- ḥamā'imu*)

Ku menyangka diri ini mabuk cinta, penuh berahi

(*wa az'umu annī hā'imun dhū ṣabābatin*)

Kepada Tuhanku. Padahal mataku kesang, sedangkan binatang bercucuran air mata.

(*li rabbī, falā abkī wa tabkī al-bahā'imu*)

☪☪☪

Duhai anak, khulasah ilmu itu adalah engkau mengetahui taat dan ibadah, apakah ia? Ketahuilah olehmu bahawa taat dan ibadah itu adalah menuruti Penyusun Syariat (*al-Shāri'*) dalam segala perintah (*al-awāmir*) dan larangan (*al-nawāhī*), dalam perkataan dan perbuatan, iaitu, setiap apa yang engkau ucapkan, kerjakan, dan tinggalkan, semuanya bertepatan dengan *Shara'*, sebagai contoh jika engkau berpuasa pada Hari *'Īd* dan hari-hari *Tashrīq*, jadilah engkau seorang pendosa (*'āṣī*), atau engkau bersolat dalam pakaian yang dimurkai,[39] sekalipun terpamer seakan-akan ibadah, sebenarnya engkau sedang melakukan dosa.

☪☪☪

Duhai anak, adalah dituntut darimu agar perkataan dan perbuatanmu bertepatan dengan *Shara'*, kerana ilmu dan amal yang tidak selari dengan *Shara'* adalah sesat. Dan berwaspadalah daripada tertipu dengan luahan (*al-shaṭḥ*)

39 Iaitu pakaian yang diperoleh secara haram atau tidak menutup aurat.

dan pancuran (*al-ṭāmmāt*) para ahli Ṣūfi (yang palsu), oleh kerana kembara di jalan ini – *taṣawwuf* – adalah dengan jalan *mujāhadah* dan pencantas nafsu syahwat, dan membunuh keinginan-keinginannya dengan pedang latihan diri (*sayf al-riyāḍah*), bukan dengan pancuran sia-sia dan ungkapan-ungkapan palsu.[40]

Dan ketahuilah bahawa lisan yang tidak terkawal dan hati yang berkarat serta dipenuhi kelalaian dan syahwat adalah

40 Sepertimana dalam setiap bidang ilmu, terdapat beberapa kelompok yang telah jauh daripada manhaj yang benar. Dan terdapat juga kelompok yang melalui dan mengguna pakai manhaj yang benar. Dalam konteks *taṣawwuf*, terdapat dua hasil yang berbeza dalam mencari hakikat segala sesuatu (*ḥaqīqah al-ashyā' kamā hiya*) dan pengiktirafan tawhid yang tertinggi – iaitu *ṣahwah* (kewarasan) dan *shaṭḥah* (kemabukan). Menurut al-Junayd al-Baghdādī dan, malah, Ibn 'Arabī, seseorang yang mengembara di atas jalan *taṣawwuf* akan melalui beberapa peringkat. Dan peringkat *ṣahwah* adalah lebih tinggi berbanding *shaṭḥah*. Seseorang yang terhenti di peringkat *shaṭḥah* dianggap sebagai seseorang yang memiliki daya rohani yang lebih rendah berbanding seseorang yang menyempurnakan pengembaraannya sehingga ke peringkat *ṣahwah*. Al-Junayd menyebut seseorang yang terhenti di peringkat *shaṭḥah* masih belum dapat mengisytiharkan kesempurnaan tauhid, kerana dia masih lagi melihat dirinya bersama dengan Tuhan. Justeru, seseorang yang memahaminya dengan salah boleh terjerumus ke lembah *pantheism*. Ibn 'Arabī pula menganggap orang tersebut bergelumang dalam perkataannya dengan sebab sifat bongkak (*fakhr*). Oleh itu, jalan *taṣawwuf* yang sebenar adalah dengan mujahadah seperti yang disebutkan oleh al-Ghazālī dan ramai lagi ahli Ṣūfi lain yang benar. Untuk jenis-jenis kumpulan ahli Ṣūfi yang palsu dan yang benar, rujuk: Abū Ḥāmid al-Ghazālī, *al-Munqidh min al-Ḍalāl* (Jeddah: Dar al-Minhaj, 2003), 92-96, dan Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Rānīrī and the Wujūdiyyah of the 17th Century Acheh* (Montreal: McGill University, 1962). Untuk penjelasan makna *ṣahwah* dan *shaṭḥah*, rujuk: Carl W. Ernst, *Words of Ecstacy in Sufism* (Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed & Co. 1994) 36-40

sebuah petanda kesengsaraan (*al-shaqāwah*).[41] Jika engkau tidak membunuh nafsumu dengan *mujāhadah* yang benar (*ṣidq al-mujāhadah*), maka tidak akan sesekali hatimu hidup dengan cahaya ma'rifah (*anwār al-ma'rifah*).

Dan ketahuilah sebahagian daripada permasalahan yang engkau tanyakan kepadaku tidak dapat diberikan jawapannya dengan penulisan dan perbahasan. Jika engkau memperoleh keadaan (*ḥāl*)[42] yang tersebut, maka engkau akan tahu apakah ia, dan jika tidak – maka mengetahuinya (dengan sendiri) adalah mustahil, kerana ia adalah dengan jalan *dhawqiyyah*.[43] Dan setiap perkara yang *dhawqī* itu tidak dapat diperjelaskan pemerihalannya dengan perkataan. Seperti kemanisan benda yang manis dan kepahitan benda yang pahit, tidak dapat diketahui melainkan dengan *dhawq*. Maka, telah dihikayatkan bahawa seorang yang mati pucuk telah menulis surat kepada sahabatnya agar memaklumkan kepadanya, bagaimanakah kelazatan persetubuhan. Maka, dia pun membalas surat tersebut: "Wahai fulan, sungguh aku sangkakan engkau ini hanyalah terbantut, akan tetapi tahulah aku bahawa engkau ini terbantut dan dungu, kerana kelazatan ini adalah dengan

41 Kalimah *shaqāwah* adalah sebuah perkataan yang memayungi semua bentuk kesengsaraan – daripada sekecil-kecil kesedihan (*ḥuzn*) sehinggalah sebesar-besar keraguan (*shakk*). Bermakna, menuruti hawa nafsu akan mendatangkan pelbagai jenis keburukan duniawi dan ukhrawi. Rujuk: Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Ma'na Kebahagiaan dan Pengalamannya dalam Islam*, 8.

42 Iaitu keadaan ketibaan makna kepada diri dengan sebab pemberian (*wahb*) Tuhan, bukan dengan usaha sendiri. Rujuk: al-Sharif al-Jurjani, *Kitāb al-Ta'rīfāt* (Cairo: Dar al-Fadilah, 1983), 72.

43 Iaitu ilmu ma'rifah yang diberikan oleh Allah ke dalam hati para wali-Nya. Rujuk: Ibid., 93.

merasainya. Jika engkau sampai kepadanya, kau 'kan tahu. Dan jika tidak, tidaklah pemerihalannya dapat berdiri dengan perkataan atau penulisan."

Duhai anak, sebahagian daripada permasalahanmu itu adalah daripada jenis yang sebegini. Adapun sebahagian lain yang boleh dijawab, telah pun kami sebutkan dalam *Iḥyā' al-'Ulūm*[44] dan kitab-kitab lain. Kami sebutkannya di sini dan merujukkanmu kepadanya. Kami katakan: "Wajib bagi seorang *sālik*[45] itu empat perkara: Yang pertama, aqidah yang sahih tanpa sebarang bid'ah. Kedua, taubat nasuha yang selepasnya tidak lagi kembali melakukannya. Ketiga, berdamai dengan musuh sehingga tiada seorang pun yang akan menuntut haknya daripadamu lagi. Keempat, mempelajari Syariat secukupnya yang membolehkan kamu menunaikan perintah Allah, kemudian apa-apa sahaja ilmu lain yang mendatangkan keselamatan akhirat (*al-najāt*).

Telah diriwayatkan bahawa al-Shiblī – semoga Allah merahmatinya – telah berkhidmat kepada empat ribu guru, dan berkata: "Aku telah mempelajari empat ribu hadith, kemudian aku memilih satu daripadanya dan beramal dengannya, serta aku mengosongkan diri daripada yang selainnya. Kerana aku telah merenungkannya dan mendapati pembebasanku dan keselamatanku padanya. Ilmu orang-orang yang terdahulu dan terkemudian, semuanya terkandung

44 Yakni kitabnya *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*.

45 Iaitu orang-orang yang menumpukan hidupnya untuk mengamalkan *taṣawwuf*. Seorang yang berjalan atas *maqāmāt* dengan *ḥāl*nya, bukan dengan *taṣawwur*. Rujuk: al-Jurjani, *Kitāb al-Ta'rifāt*, 100.

dalamnya, maka aku cukupkan diriku dengannya." Dan itulah apa yang disabdakan oleh Rasulullah SAW kepada sebahagian sahabatnya: "Bekerjalah untuk duniamu dengan kadar persinggahanmu di dalamnya, dan bekerjalah untuk akhiratmu dengan kadar penginapanmu di sana, beramallah untuk Allah dengan kadar kebergantunganmu kepada-Nya, dan beramallah untuk Neraka dengan kadar ketahananmu daripadanya."[46]

Duhai anak, jika engkau telah ketahui akan hadith ini, maka tiada lagi hajat kepada ilmu yang banyak.[47] Dan renungilah sebuah hikayat yang lain, iaitu kisah Ḥātim al-Aṣamm yang merupakan seorang sahabat kepada al-Shaqīq al-Balkhī – semoga Allah merahmati kedua-duanya. Maka, pada suatu hari beliau bertanya kepada sahabatnya: "Engkau telah bersahabat denganku selama tiga puluh tahun. Apakah yang telah engkau perolehi?" Beliau menjawab: "Aku telah memperolehi lapan faedah ilmu, dan ia sudah memadai untuk aku, kerana daripadanya aku mengharapkan pembebasan dan keselamatanku." Maka, al-Shaqīq bertanya: "Apakah ia?" Ḥātim al-Aṣamm pun menjawab:

Faedah yang pertama, aku memerhatikan manusia dan mendapati, setiap mereka ada sesuatu yang dicintai (*maḥbūb*) dan diingini (*ma'shūq*). Dan sebahagian apa yang dicintai itu mendampinginya sehingga ke waktu sakit mati, dan sebahagiannya sehingga ke pinggiran kubur, kemudian

46 'Alī bin 'Abd al-Mālik al-Hindī, *Kanz al-'Ummāl*, Jilid 15, Hadith 42111.

47 Yakni ilmu yang banyak tetapi tanpa amalan.

pulanglah sekaliannya dan meninggalkannya bersendirian, dan tiada satu pun yang masuk ke dalam kubur bersamanya. Maka, aku berfikir dan berkata: Sebaik-baik perkara yang dicintai seseorang adalah yang masuk ke dalam kuburnya dan menemaninya di dalamnya. Dan tiada aku dapati selain daripada amal soleh, maka aku mengambilnya sebagai *maḥbūb*ku, yang akan menerangi kuburku, menemaniku di dalamnya, dan tidak meninggalkan aku bersendirian.

Faedah kedua, aku mendapati manusia sering kali menuruti hawa nafsu mereka dan bersegera melangkah ke arah keinginannya. Maka, aku renungi ayat Allah: "Adapun orang yang takutkan keadaan semasa ia berdiri di mahkamah Tuhannya, (untuk dihitung amalnya), serta ia menahan dirinya daripada menurut hawa nafsu, maka sesungguhnya Syurgalah tempat kediamannya."[48] Dan aku pula meyakini bahawa al-Quran itu benar dan tulen, maka aku bersegera menyalahi nafsuku dan menyusun langkah untuk menentang dan menegahnya daripada keinginannya, sehingga ia akan menjadi reda dengan ketaatan kepada Allah, dan mengalah.

Faedah ketiga, aku mendapati bahawa sekalian manusia sering kali bersegera dalam mengumpulkan kehancuran dunia, kemudian dia menggenggamnya dengan erat. Maka, aku merenungi ayat-Nya: "(Sebenarnya) apa yang ada pada kamu akan habis dan hilang lenyap, dan apa yang ada di sisi Allah tetap kekal..."[49] Maka, aku korbankan pendapatan

48 Surah al-Nāzi'āt 79:40-41.

49 Surah al-Naḥl 16:96.

duniaku untuk Allah, dan aku mengagih-agihkannya antara orang-orang miskin agar ia menjadi khazanahku di sisi Allah.

Faedah keempat, aku mendapati sebahagian manusia menyangka kemuliaan dan ketinggiannya terdapat pada keluasan negara dan kekuatan bangsanya, maka mereka itu tertipu. Sebahagian yang lain pula berpegang bahawa ia terdapat pada keberhasilan harta dan banyaknya zuriat, maka mereka menjadi bongkak dengannya. Dan sebahagian mereka pula mengira kemuliaan dan ketinggian itu terdapat dalam pemerasan harta manusia, penindasan, dan penumpahan darah mereka. Dan sekelompok yang lain pula percaya bahawa ia terdapat pada membelanjakan harta, berlebihan dengannya, dan membazirkannya. Dan aku pun merenungi ayat-Nya: "Sesungguhnya, semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya)."[50] Maka, aku memilih ketaqwaan dan aku percaya bahawa al-Quran itu benar, maka sangkaan dan perkiraan mereka itu, semuanya batil dan sia-sia.

Faedah kelima, bahawa aku melihat manusia saling mencela dan bercakap belakang antara satu sama lain. Maka, aku mendapati itu adalah daripada hasad dalam hal harta, kemasyhuran, dan ilmu.[51] Maka, aku merenungi ayat-Nya:

50 Surah al-Ḥujurāt 49:13.

51 Allah menciptakan manusia dengan darjat yang berbeza-beza. Para Rasul tidak sama dengan sekalian manusia. Dan dalam kalangan manusia juga, Allah meninggikan sebahagian golongan daripada golongan yang lain. Para ulama' dan wali Allah berdiri lebih tinggi berbanding sekalian manusia. Selain itu, bahagian-bahagian dunia yang dikurniakan kepada mereka juga berbeza,

"Kami membahagi-bahagikan antara mereka segala keperluan hidup mereka dalam kehidupan dunia ini.."[52] Maka, tahulah aku bahawa pembahagian tersebut adalah daripada Allah sejak azali, maka tidaklah aku dengki akan seseorang, bahkan aku berpuas hati dengan pembahagian Allah.

Faedah keenam, bahawa aku melihat manusia saling memusuhi sesama sendiri dengan tujuan dan sebab tertentu. Maka, aku merenungi ayat-Nya: "Sesungguhnya syaitan adalah musuh bagi kamu, maka jadikanlah dia musuh (yang mesti dijauhi tipu dayanya).."[53] Maka, tahulah aku bahawa tidak harus memusuhi sesiapa pun melainkan syaitan.

Faedah ketujuh, bahawa aku memerhatikan setiap orang bergesa dengan sungguh-sungguh dalam mencari bekalan makan, minum dan kehidupan, sehingga ke tahap tidak mempedulikan yang syubhah dan haram, serta merendahkan martabat dan melemahkan jasadnya sendiri. Maka, aku merenungi ayat-Nya: "Dan tiadalah sesuatu pun daripada makhluk-makhluk yang bergerak di bumi melainkan Allah jualah yang menanggung rezekinya dan mengetahui tempat

termasuklah ilmu. Tidak semua insan memiliki kecerdasan akal dan hati yang sama. Justeru, para ahli Ṣūfi, misalnya, menta'wilkan ayat: "Ia menurunkan air (hujan) dari langit, lalu membanjiri tanah-tanah lembah (dengan airnya) menurut kadarnya yang ditetapkan Tuhan untuk faedah makhluk-Nya," (Surah al-Ra'd 13:17), untuk membawa maksud Allah memberikan ilmu kepada insan yang berbeza pada kadar yang berbeza-beza. Sebahagian daripadanya diberikan ilmu yang lebih tinggi berbanding yang lain. Rujuk: Abū Ḥāmid al-Ghazālī, *Mishkāt al-Anwār* (Utah: Brigham Young University, 1998), 32.

52 Surah al-Zukhruf 43:32.

53 Surah Fāṭir 35:6.

kediamannya dan tempat ia disimpan."[54] Maka, aku pun menyedari bahawa rezeki aku adalah dalam tanggungan Allah dan Dia telah menjaminnya. Lalu, aku pun menyibukkan diri dengan beribadah kepada-Nya dan memutuskan ketamakan aku selain daripada-Nya.

Faedah kelapan, bahawa aku melihat setiap insan bergantung kepada sesuatu yang diciptakan. Sebahagian mereka bergantung kepada dinar dan dirham, sebahagian pula kepada harta dan pemilikan, serta perusahaan dan perniagaan, dan sebahagian yang lain pula kepada yang seumpamanya. Maka, aku pun merenungi ayat-Nya: "Dan (Ingatlah), sesiapa berserah diri bulat-bulat kepada Allah, maka Allah cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya). Sesungguhnya Allah tetap melakukan segala perkara yang dikehendaki-Nya. Allah telah pun menentukan kadar dan masa bagi berlakunya tiap-tiap sesuatu."[55] Lalu, aku pun bertawakal kepada Allah. Memadailah Dia untuk aku dan Dialah sebaik-baik tempat bergantung.

Maka, al-Shaqīq pun mengulas: "Semoga Allah memberikan kepadamu *taufiq*! Sesungguhnya, aku telah membaca Taurat, Zabur, Injil, dan al-Furqan (al-Quran), dan aku mendapati keempat-empat kitab ini berkisar sekitar lapan faedah ini. Justeru, sesiapa yang beramal dengannya, maka dia telah beramal dengan keempat-empat kitab tersebut."

54 Surah Hūd 11:6.

55 Surah al-Ṭalāq 65:3.

☪☪☪

Duhai anak, sefahamku daripada dua hikayat ini, engkau tidak memerlukan pengajian tambahan. Dan sekarang akan aku perjelaskan apakah yang wajib ke atas seorang *sālik* di atas jalan al-Ḥaqq:

Ketahuilah bahawa hendaklah seorang *sālik* itu baginya seorang guru pembimbing (*murshid*) dan pendidik (*murabbi*,) untuk mengeluarkan daripadanya akhlak yang buruk dengan tarbiyyah, dan menggantikannya dengan akhlak yang indah. Dan makna tarbiyyah itu seumpama seorang pekebun yang membersihkan semak-samun dan mencabut lalang daripada tapak tanaman, agar tanamannya menjadi cantik dan tuaiannya menjadi sempurna.

Dan tidak boleh tidak bagi seorang *salik* itu seorang guru yang mengajarkannya adab dan membimbingnya ke jalan Allah. Ini kerana Allah telah mengutuskan seorang Rasul kepada para hamba-Nya untuk membimbing mereka ke jalan-Nya. Kemudian, setelah kewafatan Baginda SAW, terdapat pengganti-penggantinya yang membimbing manusia ke jalan-Nya pula. Dan syarat seorang guru yang layak untuk menjadi naib bagi Rasulullah SAW ialah dia mestilah seorang yang alim. Walaupun begitu, bukanlah semua yang alim itu layak untuk menjadi pengganti Baginda SAW. Justeru, akan aku perjelaskan untuk kamu antara petanda seorang guru yang layak dengan cara yang umum, agar tidak nanti setiap orang akan mendakwa dirinya seorang *murshid*.

☪☪☪

Jadi, kami sebutkan bahawa: dia ialah seorang yang tidak gemar akan cinta dunia dan kemasyhuran; yang pernah menuturi seorang yang memiliki *baṣīrah*,[56] yang mana ilmunya bersambung salasilahnya sehinggalah kepada Penghulu para Rasul; yang tekun melatih nafsunya dengan sedikit makan, percakapan, dan tidur, serta memperbanyakkan selawat, sedekah, dan puasa.

Dengan masa yang diluangkan bersama gurunya yang memiliki *baṣīrah*, dia juga telah menjadikan sebahagian daripada hidupnya akhlak yang indah seperti kesabaran, solat, kesyukuran, *tawakkul*, yakin, kecukupan (*qanāʿah*), kawalan diri (*ṭumaʾnīnah al-nafs*), kelembutan (*ḥilm*), tawaduk, ilmu, benar (*ṣidq*), malu, menepati janji (*wafāʾ*), jurus (*waqār*), tetap pendirian (*sukūn*), ketelitian (*taʾannī*), dan yang seumpamanya. Dengan itu, dia menjadi cahaya daripada cahaya-cahaya Nabi SAW dan layak untuk dicontohi.

Akan tetapi, kewujudannya sangatlah nadir – lebih susah untuk dijumpai berbanding belerang merah (*al-kibrīt al-aḥmar*). Barang siapa yang bernasib baik dan menjumpai seorang guru sebagaimana yang kami sebutkan, serta sang guru tersebut menerimanya, maka hendaklah dia memuliakan gurunya secara zahir dan batin.

Adapun memuliakan secara zahir adalah dengan tidak berdebat dengannya dan tidak menyibukkan diri dengan mempersoalkannya dalam setiap permasalahan, sekalipun

56 Yakni maʿrifah. Rujuk: al-Jurjānī, *al-Taʿrifāt*, 42.

dia mengetahui tentang kesalahan gurunya. Dan janganlah dia membentangkan sejadahnya di hadapan gurunya[57] kecuali ketika waktu solat, dan jika selesai maka hendaklah dia mengalihkannya. Dan janganlah dia memperbanyakkan solat sunat sewaktu keberadaannya.[58] Dan hendaklah dia melaksanakan segala arahan gurunya sekadar kemampuannya dan kebolehannya.

Adapun memuliakan secara batin adalah dengan tidak menolak dalam hati apa-apa sahaja yang dia dengari dan terima daripada gurunya secara zahir, baik secara perkataan mahupun perbuatan, agar tidak terpalit dengan sifat kemunafikan. Jika dia tidak mampu memenuhi tuntutan ini, maka hendaklah dia meninggalkan pendampingan dengan gurunya sehinggalah batinnya selari dengan zahirnya. Dan hendaklah dia berwaspada daripada bersama dengan ahli maksiat untuk mengurangkan pengaruh syaitan, jin, dan manusia dalam ruangan hatinya, maka akan sucilah ia daripada kekotoran syaitan; dan hendaklah dia memilih kefakiran berbanding kekayaan dalam setiap hal.

Kemudian, ketahuilah bahawa *taṣawwuf* itu ada dua ciri: betul tindak-tanduk terhadap Allah (*al-istiqāmah ma'a Allāh*) dan memencilkan diri daripada manusia (*al-sukūn 'an al-khalq*). Dan barang siapa yang betul tindak-tanduknya terhadap Allah dan baik kelakuannya terhadap manusia (*aḥsana khuluquhu ma'a al-*

57 Yakni membelakangi gurunya sepertimana membelakangi ibu bapa juga merupakan adab yang buruk.

58 Yakni tidak memperagakan diri seolah-olah melebihi gurunya dalam hal ibadah.

nās), serta bermuamalah dengan lemah-lembut, maka dia seorang Ṣūfī. Dan *istiqāmah* itu adalah mengorbankan kesenangan nafsu menurut perintah Allah. Dan *ḥusn al-khuluq* itu adalah engkau tidak membebankan manusia untuk menuruti nafsumu, akan tetapi membebankan nafsumu untuk menuruti keperluan mereka, selagi mana tidak bertentangan dengan *Shara'*.

Kemudian, engkau bertanya kepada aku tentang pengabdian, dan ia adalah tiga perkara: Pertama, memelihara ketetapan *Shara'*. Kedua, reda dengan qada' qadar dan pembahagian rezeki Allah, dan ketiga, meninggalkan kepuasan nafsumu untuk mencari keredaan Allah.

Dan engkau bertanya pula kepadaku tentang *tawakkul.* Dan ia adalah engkau meneguhkan peganganmu kepada Allah tentang apa yang Dia telah janjikan (*wa'ada*),[59] iaitu engkau berpegang bahawa apa-apa sahaja yang telah ditakdirkan pasti sampai kepadamu sekalipun seluruh alam menggembleng tenaga untuk menyimpangkannya daripadamu. Dan apa-apa sahaja yang tidak tertulis untukmu tidak akan sampai kepadamu, meskipun sekalian alam membantumu.

59 *Wa'ada* boleh bermaksud "menjanjikan" (*al-wa'du*) dan "mengancam" (*al-wa'īd*). Justeru, janji Allah merujuk kepada kedua-dua ganjaran dan balasan-Nya. *Al-wa'du* dan *al-wa'īd* adalah salah satu daripada tujuh tema besar yang terkandung dalam al-Quran. Selain yang tersebut, tema-tema besar lain al-Quran termasuk perintah (*al-amr*), larangan (*al-nahyu*), janji (*al-wa'du*), ancaman (*al-wa'īd*), perdebatan (*al-jidāl*), kisah-kisah umat terdahulu (*al-qaṣaṣ*), dan perumpamaan (*al-mithl*). Rujuk: Jalal al-Din al-Suyūṭī, *al-Itqān fī 'Ulūm al-Qur'ān* (Beirut: Muassasah al-Risalah Nashirun, 2008), 111.

Dan kau bertanya pula kepada aku tentang keikhlasan. Dan ia adalah menjadikan amalanmu semuanya untuk Allah, dan tidaklah pujian manusia itu menggirangkan hatimu dan tidak pula hatimu gusar dengan cacian mereka. Dan ketahuilah bahawa riya' itu terlahir dengan sebab mengagungkan manusia.[60] Dan ubatnya adalah dengan melihat mereka itu tunduk di bawah naungan kudrat Allah, serta engkau menyangka mereka itu seperti benda-benda pegun (*al-jamādāt*) yang tidak berdaya untuk mendatangkan kesenangan dan kesusahan, agar engkau bebas daripada riya'. Dan selagi mana engkau memandang mereka memiliki kudrat dan *irādah*, riya' tidak akan menjauhimu.

☪☪☪

Duhai anak, dan permasalahanmu yang selebihnya, sebahagiannya tersirat dalam tulisan-tulisan aku (yang lain), maka carilah di sana. Dan menulis tentang sebahagiannya adalah haram. Beramallah engkau dengan apa yang engkau ketahui, agar akan disingkapkan untukmu apa yang engkau tidak ketahui.[61]

---

60 Untuk perbahasan tentang hakikat riya' – puncanya, jenisnya, keadaannya, dan lain-lain, rujuk: Abū Ḥāmid al-Ghazālī, *al-Arba'īn fī Uṣūl al-Dīn* (Dimashq: Dar al-Qalam, 2003), 167.

61 Ilmu yang haram untuk ditulis tentangnya yang dimaksudkan oleh al-Ghazālī ialah ilmu-ilmu *taṣawwuf* berperingkat tinggi. Beliau memetik kata-kata sebahagian wali yang menyebut: "Mendedahkan rahsia Allah adalah kekufuran." Ini kerana ilmu tersebut adalah rahsia yang dikongsikan oleh Allah hanya kepada sebahagian hamba-Nya yang terpilih. Rujuk: al-Ghazālī, *Mishkāt al-Anwār*, 2.

☪☪☪

Duhai anak, sedari hari ini, usahlah engkau bertanyakan kepada aku apa yang memusykilkanmu melainkan dengan lisan hati (*lisan al-janān*), dengan sebab firman-Nya: "Dan kalaulah mereka bersabar menunggu sehingga engkau keluar menemui mereka, tentulah cara yang demikian lebih baik bagi mereka."[62] Dan ambillah nasihat Nabi Khidir a.s. ketika beliau berkata: "..maka janganlah engkau bertanya kepadaku akan sesuatu pun sehingga aku ceritakan halnya kepadamu."[63] Dan janganlah engkau tergesa-gesa agar apabila tiba masanya, akan disingkapkan untukmu dan engkau akan melihatnya: "Aku (Allah) akan perlihatkan kepada kamu tanda-tanda kekuasaan-Ku; maka janganlah kamu meminta disegerakan (kedatangannya)."[64] Maka, usahlah engkau bertanyakan kepada aku sebelum tiba masanya, dan yakinlah bahawa engkau tidak tiba kepadanya melainkan dengan sebuah kembara (*al-sayr*),[65] kerana firman-Nya: "Tidakkah mereka telah berjalan dan mengembara di muka bumi, serta memerhatikannya..."[66]

---

62 Surah al-Ḥujurāt 49:5. Ayat ini seolah-olah dipetik secara luar konteks. Akan tetapi, jika sirah umat Islam ditelusuri, dapatlah dilihat bahawa para sahabat kerap kali bertanya pelbagai jenis soalan kepada Rasulullah SAW tentang agama Islam dan juga tentang Allah. Justeru, Allah mengajar mereka ādāb bukan sahaja agar mereka lebih santun terhadap Baginda, malah juga kepada ilmu ma'rifah. Hal ini dilihat bertepatan dengan syarat yang al-Ghazālī letakkan berkenaan ciri-ciri seorang guru murshid.

63 Surah al-Kahfi 18:70.

64 Surah al-Anbiyā' 21:37.

65 Iaitu perjalanan rohani. Rujuk: al-Qāshānī, *Laṭā'if al-I'lām*, 438.

66 Surah al-Rūm 30:9. Secara zahir, petikan ayat al-Quran ini oleh al-Ghazālī juga kelihatan seperti petikan luar konteks. Akan tetapi, jika makna sebenar

☪☪☪

Duhai anak, demi Allah, jika engkau mengembara, engkau akan melihat pelbagai jenis keajaiban di setiap peringkat perjalananmu (*kulli manzil*). Bertahanlah (atas jalan ini), kerana sesungguhnya perkara utama dalam urusan ini adalah kecekalan (*badhl al-rūḥ*). Sepertimana yang telah disebutkan oleh Dhū al-Nūn al-Miṣrī – semoga Allah merahmatinya: "Jika engkau mampu bertahan, maka silakanlah. Jika tidak, maka janganlah engkau menyibukkan diri dengan ungkapan-ungkapan Ṣūfī."

☪☪☪

Duhai anak, aku menasihatimu dengan lapan perkara. Ambillah ia daripadaku agar ilmumu tidak menjadi beban kepadamu pada Hari Kiamat kelak. Engkau beramal dengan empat, dan engkau tinggalkan pula empat yang lainnya. Adapun yang perlu engkau tinggalkan:

Pertama, janganlah engkau berdebat dengan sesiapa pun, dalam permasalahan apa pun, selagi engkau mampu, kerana padanya terdapat bahana yang banyak. Dan keburukannya adalah lebih besar berbanding manfaatnya, kerana ia adalah tempat terpancarnya setiap jenis akhlak yang tercela seperti

"pengembaraan" tersebut difahami, selain memaksudkan pengembaraan jasmani, ia juga merujuk kepada pengembaraan rohani. Ini kerana tidaklah perjalanan jasmani tersebut dilakukan melainkan agar akal juga mengembara, daripada tidak mengenali Allah kepada mengenali-Nya. Dan ini adalah salah satu makna ta'wīl yang diulas oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas. Rujuk: Syed Muhammad Naquib al-Attas, *The Concept of Education in Islam* (Kuala Lumpur: Ta'dib International, 2018), 5.

menunjuk-nunjuk (*riyā'*), kedengkian (*ḥasad*), membesarkan diri (*kibr*), menaruh dendam (*ḥiqd*), permusuhan (*'adāwat*), kebongkakan (*mubāhah*), dan selainnya. Tentunya, jika timbul sebuah permasalahan antara engkau dengan seseorang atau sesuatu kaum, dan tujuanmu adalah untuk menzahirkan kebenaran dan tidak membiarkannya terlindung, maka perbahasan adalah harus bagimu. Akan tetapi, tujuanmu itu hanyalah benar jika terdapat dua petanda: Pertama, bahawa engkau tidak membezakan kebenaran yang tersingkap, sama ada daripada lisanmu atau selain engkau. Kedua, bahawa perbahasan tersebut mengambil tempat di ruang tertutup. Itu lebih disukai olehmu berbanding ia mengambil tempat di tempat awam.

Dengar – di sini akan aku sebutkan suatu faedah untukmu: Fahamkanlah bahawa bertanyakan mengenai kemusykilan adalah seperti mengadu penyakit hati kepada seorang tabib, dan menjawab persoalan tersebut adalah satu usaha untuk merawatnya. Ketahuilah bahawa orang-orang jahil itu hati mereka berpenyakit, dan para ulama' adalah para tabib. Dan seorang alim yang tidak sempurna ilmunya (*al-'ālim al-nāqiṣ*) tidaklah sempurna rawatannya, manakala seorang alim yang sempurna ilmunya (*al-'ālim al-kāmil*) tidak akan merawat setiap pesakit, akan tetapi hanya merawat pesakit yang mahu menerima rawatan dan yang mendambakan kesihatan yang baik. Dan jika penyakit tersebut sudah parah tidak terawat, maka kepakaran tabib tersebut akan menyatakan ia tidak boleh disembuhkan, dan dia tidak akan menyibukkan dirinya untuk cuba merawatnya lagi, kerana ia akan membazirkan masanya.

Dan ketahuilah bahawa penyakit jahil itu ada empat jenis: salah satu daripadanya boleh dirawat, manakala yang selebihnya tidak dapat disembuhkan. Adapun yang tidak dapat disembuhkan itu, yang pertama, ialah mereka yang soalan dan perdebatannya terpacul akibat hasad dan kebencian. Dan sekalipun engkau menjawabnya dengan jawapan yang paling baik, fasih, dan jelas, jawapan tersebut tidak menambahkan untuknya melainkan kebencian, permusuhan, dan hasad. Maka, penyelesaiannya adalah engkau tidak memusingkan dirimu dengannya. Maka, dikatakan:

"Setiap permusuhan diharapkan pengakhiran,

Kecuali yang memusuhimu dengan penasaran."

Maka, hendaklah engkau berpaling daripadanya dan meninggalkannya dengan penyakit tersebut. Allah telah berfirman: "Oleh itu, janganlah engkau (wahai Muhammad) hiraukan orang yang berpaling daripada ajaran Kami, dan tidak mahu melainkan kehidupan dunia semata-mata."[67] Dan orang-orang yang dengki itu, dengan apa-apa sahaja yang mereka sebut dan lakukan, mereka sedang menyalakan api pada amalan-amalan yang telah mereka tuai, sebagaimana sabda Nabi SAW: "Hasad dengki membakar amalan-amalan baik sepertimana api membakar kayu kering."[68]

Yang kedua ialah seseorang yang penyakitnya kejahilan dan ia juga tidak terawat, sepertimana sabda Nabi

67 Surah al-Najm 53:29.

68 Ibn Mājah, *Kitāb al-Zuhd*, 22.

Isa a.s.: "Sungguh, aku mampu menghidupkan yang mati, akan tetapi aku tidak berdaya untuk menyembuhkan penyakit kejahilan." Dan si jahil ini ialah seseorang yang menuntut ilmu dalam tempoh yang sekejap dan mempelajari suatu permasalahan yang terdapat dalam ilmu *'aqlī* dan *shar'ī*, lalu dia bertanya dan membantah dengan kejahilannya terhadap seorang alim besar yang telah meluangkan hidupnya dalam menguasai ilmu *'aqlī* dan *shar'ī*. Dan si dungu ini tidak tahu dan menyangka apa yang menjadi permasalahan baginya adalah juga sebuah masalah bagi sang alim besar. Oleh kerana dia tidak tahu sehingga ke tahap ini – tahap alim besar – maka soalannya datang daripada kebodohan. Maka, tidak perlulah engkau menjawabnya.

Yang ketiga adalah seorang yang mencari bimbingan (*mustarshid*).[69] Dan setiap perkara yang tidak difahami daripada kalam ulama besar dipertanggungkan ke atas kekurangan kefahamannya sendiri, dan soalannya bertujuan untuk memperoleh jawapan yang bermanfaat. Malangnya, dia seorang yang lembab dan tidak mampu menggarap inti pati

69 Perbezaan antara kelompok ketiga dengan kelompok kedua adalah pada penilaian ilmu diri sendiri. Kelompok kedua memandang dirinya sebagai seorang yang memiliki ilmu yang tinggi. Maka, dia merasakan pengetahuannya sudah memadai untuk membenarkan atau mempermasalahkan sesuatu, manakala kelompok ketiga pula terdiri daripada orang-orang yang bodoh secara semula jadi. Mereka berniat baik, akan tetapi daya akal mereka tidak mengizinkan mereka untuk memahami jawapan kepada persoalan yang ditanya.
Selain itu, kedua-dua kelompok kedua dan ketiga berbeza dengan kelompok pertama pada hasad. Kelompok pertama terdiri daripada mereka yang tidak bertujuan selain daripada kebencian dan hasad dengki.

perbahasan (*lā yudriku al-ḥaqā'iq*), maka tidak perlulah menyibukkan diri untuk menjawabnya, sepertimana yang telah disabdakan oleh Rasulullah SAW: "Kami sekalian nabi diperintahkan untuk bercakap kepada manusia menurut kadar akal mereka."[70]

Adapun penyakit kejahilan yang boleh dirawat, adalah seorang penuntut yang berakal tajam dan memiliki daya kefahaman (*'āqilan fahiman*); yang tidak tewas dengan hasad, kebencian, cinta akan kemasyhuran, darjat, dan harta; yang mencari jalan yang lurus (*al-ṭarīq al-mustaqīm*); dan bukanlah soalan dan percanggahannya kerana hasad, kejengkelan, dan sikap suka menduga. Dan ini boleh dirawat, maka harus bagi kamu untuk menjawabnya – bahkan, wajib menjawabnya.

Perkara kedua yang perlu engkau jauhi – iaitu engkau erwaspada daripada menjadi pendakwah (*wā'iẓ*) dan pemberi peringatan (*mudhakkir*), kerana padanya terdapat keburukan yang banyak, melainkan jika engkau beramal terlebih dahulu dengan apa yang engkau katakan, kemudian barulah engkau mendakwahkannya kepada manusia. Fikirkanlah tentang apa yang disampaikan kepada Isa a.s.: "Berpesanlah kepada jiwamu. Justeru, jika ia menuturi pesanan tersebut, maka berpesanlah pula kepada manusia. Jika tidak, maka tunduk malulah kepada Tuhanmu."

Adapun jika engkau diuji dengan kewajipan berdakwah dan memberi peringatan, maka berwaspadalah dengan dua

70 Bukhārī, *Kitāb al-'Ilm.*

sikap: Yang pertama, engkau berwaspada dengan kepura-puraan *(al-takalluf)* dengan menggunakan ibarat-ibarat, isyarat-isyarat, ungkapan-ungkapan, bait-bait, dan syair – kerana Allah membenci orang-orang yang berpura-pura. Dan kepura-puraan serta melampaui batas itu menunjukkan keruntuhan batin (*kharāb al-bāṭin*) dan kelalaian hati (*ghaflat al-qalb*). Dan makna peringatan (*al-tadhkīr*) itu adalah agar seorang hamba mengingati api neraka dan kekurangan dirinya dalam mengabdikan diri kepada Sang Pencipta, memikirkan masa lampaunya yang telah dihabiskan terhadap perkara-perkara yang tidak berkaitan dengannya, merenungi kesukaran yang bakal dihadapinya seperti ketiadaan iman yang teguh (*'adami salāmat al-īmān*) pada saat-saat akhir hidupnya; tentang bagaimanakah keadaannya ketika berada dalam genggaman malaikat maut, serta mampukah dia untuk menjawab soalan-soalan Munkar dan Nakīr; dan merisaukan keadaan dirinya pada Hari Kiamat dan perhentian-perhentiannya (*mawāqif*),[71] dan sama ada dia akan melintas *al-Ṣirāṭ* dengan selamat atau terhumban ke dalam gaung neraka (*al-hāwiyah*)? Peringatan ini hendaklah sentiasa bermain dalam hatinya sehingga menggusarkan sikap tidak endahnya (terhadap nasib akhiratnya). Justeru, membangkitkan kegerunan terhadap api neraka ini dan meratapi musibah inilah yang dinamakan dengan *al-tadhkīr*.

71 Perhentian-perhentian tersebut merujuk kepada setiap peringkat yang terdapat pada Hari Kiamat, iaitu bermula dengan kebangkitan semula, perhimpunan di Padang Mahsyar, upacara menimbang amalan, melangsaikan hutang amalan, penentuan nasib akhirat, dan seterusnya.

Memaklumkan kepada manusia dan membuatkan mereka menyedari akan perkara-perkara ini, memberi amaran terhadap kekurangan dan pengabaian mereka, memperlihatkan aib mereka kepada diri mereka sendiri sehingga memberi kesan seolah-olah api neraka telah menghentam ahli majlis (*ahl al-majlis*)[72] ini; dan musibah tersebut mengganggu fikiran mereka sehingga mereka segera berusaha menebus umur yang telah luput semampu mungkin, menyesali hari-hari yang kesang daripada mentaati Allah. Semua ini dengan cara beginilah yang dinamakan sebagai dakwah (*wa'aẓ*).

Keadaan hati seseorang yang memberi peringatan itu seharusnya, seolah-olah seperti engkau melihat bah besar sedang melanda sebuah daerah, dan ahli daerah tersebut sedang berada di dalamnya, lalu engkau berkata: "Jaga-jaga! Larilah daripada banjir itu!" Fikirkan, dalam keadaan tersebut, masihkah hatimu bernafsu terhadap kepura-puraan, bercerita, dan berkias-kias? Tentunya engkau tidak akan merasakannya. Maka, seperti itulah hal yang sepatutnya bagi seorang pendakwah, dan memadailah engkau menjauhi sikap-sikap tersebut.

Ciri kedua yang perlu dijauhi dalam dakwahmu adalah ia tidak menjadi medan untuk manusia menjerit-jerit, mempamerkan kegalakan, dan mengoyak-ngoyakkan baju,

72 Ahli majlis tersebut merujuk kepada sesiapa sahaja yang berada di sekitar seseorang. Dalam konteks risalah ini, sesiapa sahaja yang terlibat dalamnya – al-Ghazālī sendiri, anak muridnya, dan sesiapa sahaja yang lain yang turut membacanya.

agar dikatakan: "Semacam sungguh majlis ini!"[73] Kerana semua itu hanyalah hiburan dunia (*maylun li al-dunyā*), dan ia lahir dengan sebab kelalaian. Padahal, sepatutnya keazamanmu dan semangat dakwahmu mengajak mereka daripada dunia kepada akhirat, daripada maksiat kepada ketaatan, daripada ketamakan kepada kezuhudan, daripada kekikiran kepada kepemurahan, daripada keraguan kepada keyakinan, daripada kelalaian kepada kewaspadaan, dan daripada tipu daya kepada ketaatan. Engkau hendaklah mewujudkan cinta akan akhirat dan kebencian terhadap dunia dalam hati mereka. Engkau hendaklah mengajar mereka tentang ibadah dan kezuhudan. Dan janganlah engkau membiarkan mereka menipu diri sendiri dengan kepemurahan Allah dan rahmat-Nya, kerana dalam sifat semula jadi manusia itu terdapat kecenderungan ke arah kesesatan (*al-zayghu*) daripada manhaj *Shara'*, kegelojohan (*al-sa'yu*) terhadap perkara yang tidak diredai oleh Allah, dan akhlak yang tercela (*al-akhlāq al-raddiyyah*). Justeru,

73 Ibarat yang digunakan oleh al-Ghazālī ini merujuk kepada kebiasaan majlis-majlis ilmu yang wujud pada zamannya. Inti pati yang ingin disampaikan oleh beliau adalah majlis-majlis yang memperagakan unsur keilmuan, walhal hakikat sebenarnya adalah penipuan yang dilakukan ke atas diri sendiri. Jika dikaitkan dengan keadaan zaman ini, ia merujuk kepada kecenderungan manusia yang hanya mahu menghadiri majlis-majlis ilmu yang berisi gelak tawa, jenaka, dan unsur-unsur yang membuatkan mereka pulang dalam keadaan berasa puas. Semua ini adalah tipu daya yang dijampikan oleh manusia ke atas dirinya sendiri, menyangka sifat pemurah dan pemaaf Allah itu akan sentiasa melindungi mereka daripada kemarahan dan kemurkaan-Nya.
Sungguh, bahkan dalam kebaikan pun Syaitan tetap akan mencari jalan untuk menipu anak-anak Adam. Untuk perbahasan tentang tipu daya yang bersangkutan dengan ilmu dan ahlinya, rujuk *Bab Dhamm al-Ghurūr* dalam: Abū Ḥāmid al-Ghazālī, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn: Rubu' al-Muhlikāt* (Jeddah: Dar al-Minhaj, 2011), 636.

campakkanlah ke dalam hati mereka itu rasa gerun (*al-ru'b*), takutkan mereka, dan tanamkan kewaspadaan berkenaan bahaya-bahaya yang akan mereka hadapi. Mudah-mudahan sifat dalaman mereka akan berubah, dan kelakuan luaran mereka akan digantikan – agar terzahir ketamakan dan keinginan yang kuat terhadap ketaatan dan taubat daripada maksiat.

Justeru, demikianlah cara peringatan dan nasihat yang benar, dan setiap peringatan yang tidak dilakukan dengan cara yang sedemikian hanyalah berupa sumpahan terhadap si penutur dan pendengar. Bahkan, dikatakan bahawa pendakwah yang sedemikian adalah seekor jembalang dan syaitan yang menyimpangkan manusia daripada jalan yang benar dan menghancurkan mereka. Maka, wajiblah bagi para pendengar melarikan diri daripadanya, kerana sangatlah dahsyat kerosakan yang dibawa olehnya dalam hal agama, bahkan syaitan pun tidak mampu untuk melakukan seumpamanya. Dan barang siapa yang berkemampuan, maka wajiblah ke atasnya untuk menurunkan orang tersebut daripada pentas-pentas dakwah dan menegahnya daripada menyampaikan apa yang dia sebarkan, kerana perbuatan tersebut merupakan *amar ma'rūf* dan *nahi munkar*.

Perkara ketiga yang perlu engkau jauhi adalah bergaul dengan para pemerintah dan raja-raja, dan berjumpa dengan mereka, kerana perjumpaan, perhimpunan, dan pergaulan dengan mereka merupakan satu bencana yang sangat besar. Jika engkau diuji dengan perkara-perkara tersebut, tahanlah dirimu daripada mengangkat puji-pujian kepada mereka,

kerana Allah memurkai pujian terhadap seorang yang fasiq dan zalim. Barang siapa yang mendoakan kepanjangan umur mereka, sesungguhnya dia telah memilih agar maksiat berleluasa diatas muka bumi Allah.

Perkara keempat yang perlu engkau jauhi adalah menerima apa-apa pemberian dan hadiah daripada pemerintah, sekalipun engkau tahu pemerolehannya adalah dengan jalan halal. Hal ini demikian kerana, mengharapkan pemberian daripada mereka, merosakkan agama; dan daripadanya lahir sikap membodek (*al-mudāhanah*), berat sebelah (*murā'at al-jānib*), dan keterlibatan (*al-muwāfaqat*) dalam kezaliman mereka. Dan semua ini adalah kerosakan terhadap agama. Dan seringan-ringan mudarat apabila engkau menerima pemberian mereka dan menikmati manfaat daripada mereka, engkau akan mencintai mereka; dan barang siapa yang mencintai seseorang, pastinya dia akan mengharapkan panjang umurnya, dan pada kecintaan terhadap orang yang zalim itu tersiratnya keinginan terhadap kelangsungan kezalimannya ke atas para hamba Allah dan kerosakan alam. Maka, apakah yang lebih memudaratkan agama dan nasib akhirat kita daripada semua ini? Dan jaga-jaga! Berhati-hatilah daripada bisikan syaitan atau kata-kata sebahagian manusia terhadapmu bahawa adalah lebih afdal engkau menerima dinar dan dirham mereka, kemudian engkau membahagikannya dalam kalangan orang fakir dan miskin, daripada membiarkan para pemerintah tersebut membazirkan harta mereka dalam kefasikan dan kemaksiatan. Maka, infaqmu untuk orang-orang yang lemah adalah lebih

baik daripada perbelanjaan mereka. Padahal sesungguhnya Yang Terlaknat – syaitan – itu telah memenggal tengkuk ramai manusia dengan bisikan ini.[74] Sungguh, kami telah memerihalkan perkara ini dalam *Iḥyā' al-'Ulūm*. Oleh itu, carilah ia di sana.

Adapun empat perkara yang engkau perlu amalkan: Pertama, engkau menjadikan hubunganmu dengan Allah seolah-olah seorang hamba bermuamalah denganmu menggunakan cara tersebut, engkau akan reda terhadapnya, dan tidak pula engkau bosan dengannya, serta tidak menyimpan amarah terhadapnya. Dan apa-apa sahaja yang engkau tidak suka, hendaklah engkau menjauhinya juga daripada Allah – dan Dia ialah Tuhanmu yang hakiki.

Perkara kedua yang perlu engkau lakukan: setiap kali engkau bermuamalah dengan manusia, engkau santuni mereka sepertimana engkau ingin disantuni oleh mereka. Ini kerana, tidak akan sempurna iman seseorang hamba sehinggalah dia menginginkan untuk sekalian manusia apa yang diinginkan untuk dirinya sendiri.

Ketiga, hendaklah ilmu yang engkau pelajari dan telaah itu memperbaiki hatimu dan menyucikan jiwamu – sepertimana jika engkau sedari bahawa hidupmu cuma berbaki lagi

74 Bermakna, sekalipun ada sebahagian manusia yang menasihatkan agar menerima hadiah daripada pemimpin tersebut agar seseorang boleh menjadi orang tengah untuk mengedarkan kekayaan kepada orang-orang miskin, seorang ahli ilmu hendaklah menjauhkan dirinya daripada menerimanya. Hal ini demikian kerana, ia merupakan perangkap syaitan yang halus.

seminggu, tentu sekali engkau tidak akan menyibukkan dirimu dengan mempelajari fiqh, ilmu akhlak, perundangan, ilmu kalam, dan yang seumpamanya; kerana tentunya engkau tahu bahawa ilmu-ilmu ini tidak mencukupi. Sebaliknya, tentu engkau akan sibuk memeriksa hatimu, mengenal pasti sifat-sifat jiwa, memalingkan dirimu daripada ikatan dunia, dan menyucikan dirimu daripada akhlak yang tercela; dan tentunya engkau akan meluangkan masamu dengan kecintaan kepada Allah, beribadah kepada-Nya, dan memperoleh sifat-sifat yang baik dan indah. Dan tidaklah berlalu siang dan malam bagi seorang hamba melainkan mati itu adalah satu perkara yang mungkin pada bila-bila masa sahaja.

Duhai anak, dengarkan kata-kata lainku dan renungkannya sehingga engkau memperoleh kebebasan. Jika dikhabarkan kepadamu bahawa seorang sultan akan menziarahimu dalam masa seminggu, aku tahu ketika itu engkau tidak akan menyibukkan dirimu melainkan untuk memperindahkan perkara-perkara yang akan diperhatikan oleh sultan seperti pemakaianmu, dirimu, rumahmu, perabotmu, dan selainnya. Sekarang, fikirkan tentang apa yang aku isyaratkan, kerana engkau seorang yang mampu memahaminya. Satu ucapan sudah memadai untuk seorang yang cerdik. Rasulullah SAW telah bersabda: "Sesungguhnya Allah tidak melihat rupa paras dan pekerjaanmu, tetapi Dia melihat hati dan niatmu." Jika engkau ingin mempelajari ilmu *aḥwāl* dan hati, maka bacalah *Iḥyā'* dan tulisan-tulisan lainku.[75] Dan ilmu ini ialah

75 Untuk perbahasan tentang ilmu hati, rujuk: Abū Ḥāmid al-Ghazālī, *Marvels of the Heart: 'Ajā'ib al-Qalb*, terjemahan Walter J. Skellie (Kentucky: Fons Vitae, 2010).

ilmu *farḍu ʿayn*, dan yang selainnya ialah ilmu *farḍu kifāyah*, kecuali sekadar yang diperlukan untuk menunaikan kefarduan kepada Allah.[76] Dan Dialah yang akan memandumu untuk memperolehinya.

Dan perkara keempat yang perlu engkau amalkan adalah engkau mengumpulkan kekayaan dunia hanya sekadar untuk mencukupkan dirimu untuk setahun, sepertimana Rasulullah SAW menyediakan yang sedemikian untuk sebahagian isterinya, dan bersabda: "Ya Allah, jadikanlah bekalan keluarga Muhammad mencukupi."[77] Tetapi baginda tidak menyediakannya untuk semua isteri, hanya untuk isteri yang diketahui terdapat kelemahan dalam hatinya. Adapun untuk isteri-isteri yang memiliki keyakinan, maka Baginda menyediakan bekalan mereka tidak melebihi bekalan sehari atau separuh hari.

☪☪☪

Duhai anak, aku telah menulis tentang permasalahan-permasalahanmu, dan hendaklah engkau melaksanakannya,

76 Bermaksud ilmu hati adalah wajib ke atas setiap Muslim yang dewasa, manakala ilmu-ilmu lain seperti fiqh dan kalām hanyalah wajib ke atas ahli-ahli ilmu, kecuali sebahagian kecil daripada ilmu-ilmu tersebut yang menjadi wajib ke atas setiap individu Muslim jika ilmu tersebut menjadi syarat untuk menunaikan kewajipannya. Misalnya, seorang yang terlibat dalam bidang perubatan wajib mempelajari hukum-hakam yang terlibat dengan bidangnya. Atau, seseorang yang terlintas dalam dirinya persoalan-persoalan tentang aqidah yang boleh mendatangkan keraguan, diwajibkan untuk mempelajari ilmu tauhid dengan lebih mendalam.

77 Muslim, *Kitāb al-Zuhd*, 18.

dan janganlah engkau lupakan aku – menyebut namaku dalam doa-doamu. Adapun doa yang engkau pohonkan daripadaku, carilah ia dalam doa-doa Nabi SAW. Dan hendaklah engkau membaca doa-doa ini dalam setiap masa yang engkau ada, terutama dalam sujudmu:

Ya Allah, aku pohon kepada-Mu daripada nikmat yang sempurna, perlindungan yang berterusan, rahmat yang menyeluruh, kebajikan yang terhasil, hidup yang puas, umur yang bahagia, ihsan yang sempurna, nikmat yang luas, anugerah yang paling indah, dan kelembutan-Mu yang paling intim.

Ya Allah, jadilah Engkau di pihak kami, dan bukan di pihak yang menuntut ke atas kami. Sudahilah hidup kami dengan kebahagiaan, dan sungguhkanlah harapan kami, dan dampingkanlah pagi dan petang kami dengan kebajikan, dan tempatkanlah kepulangan dan takdir kami dalam rahmat-Mu, curahkanlah keampunan-Mu ke atas dosa-dosa kami, kurniakanlah kami dengan pembaikan aib kami, jadikanlah taqwa sebagai bekalan kami, tetapkanlah kesungguhan kami dalam agama-Mu, dan *tawakkul* serta kebergantungan kami hanya kepada-Mu.

Ya Allah, pasakkan kami dalam denai *istiqāmah*, lindungilah kami di dunia daripada penyebab penyesalan di Hari Kebangkitan kelak, ringankanlah beban dosa kami, rezekikanlah kami hidup orang-orang yang baik (*ʿīshah al-abrār*), jauhkan dan pesongkanlah kami daripada keburukan

orang-orang yang jahat, dan lepaskanlah tengkuk kami, bapa kami, ibu kami, dan saudara-mara kami daripada api Neraka. Dengan rahmat-Mu wahai Yang Maha Agung, Yang Maha Pengampun, Yang Maha Pemurah, Yang Maha Melangsiri Dosa, Yang Maha Mengetahui dan Yang Maha Berkuasa.

Ya Allah, Ya Allah, Ya Allah! Dengan rahmat-Mu, wahai Yang Paling Berbelas Kasihan, Yang Paling Awal antara yang awal, dan Yang Paling Akhir antara yang akhir, Yang Memiliki Kuasa Yang Hebat, wahai Yang Maha Mengasihani mereka yang miskin, dan wahai Yang Paling Berbelas Kasihan! Tiadalah Tuhan melainkan Engkau! Maha Suci Engkau, sungguh aku seorang pendosa. Dan selawat ke atas Penghulu kami Muhammad, keluarganya, dan para sahabatnya. Dan segala pujian hanyalah untuk Tuhan sekalian alam.

Bibliografi

al-Attas, S. M. (1962). *Rānīrī and the Wujūdiyyah of the 17th Century Acheh.* Montreal: McGill University.

al-Attas, S. M. (1980). *The Concept of Education in Islam.* Kuala Lumpur: ABIM.

al-Attas, S. M. (2014). *Ma'na Kebahagiaan dan Pengalamannya dalam Islam.* Kuala Lumpur: IBFIM.

al-Ghazāli, A. Ḥ. (1998). *Mishkāt al-Anwār [The Niche of Lights: A Parallel English-Arabic Text].* (D. Buchman, Trans.) Utah: Brigham Young University Press.

al-Ghazālī, A. Ḥ. (2003). *al-Arbaʿīn fī Uṣūl al-Dīn.* Dimashq: Dar al-Qalam.

l-Ghazālī, A. Ḥ. (2003). *al-Munqidh min al-Ḍalāl.* Jeddah: Dar al-Minhaj.

al-Ghazāli, A. Ḥ. (2005). *Ayyuha al-Walad: Letter to A Disciple.* Cambridge: Islamic Texts Society.

al-Ghazālī, A. Ḥ. (2010). *Marvels of the Heart: ʿAjāʾib al-Qalb.* (W. J. Skellie, Trans.) Kentucky: Fons Vitae.

al-Ghazālī, A. Ḥ. (2011). *Iḥyāʾ ʿUlūm al-Dīn.* Jeddah: Dar al-Minhaj.

al-Ghazālī, A. Ḥ. (2016). *The Alchemy of Happiness.* Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.

al-Jurjani, a.-S. (1983). *Kitāb al-Taʿrifāt.* Cairo: Dar al-Fadilah.

al-Qāshānī, ʿ. a.-R. (2005). *Laṭāʾif al-Iʿlām fī Ishārāt Ahl al-Ilhām.* Cairo: Maktabah al-Thaqafah al-Diniyyah.

al-Suyūṭī, J. a.-D. (2008). *al-Itqān fī ʿUlūm al-Qurʾān.* Beirut: Muassasah al-Risalah Nashirun.

Ernst, C. W. (1994). *Words of Ecstasy in Sufism.* Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed & Co.

Fakhry, M. (2004). *A History of Islamic Philosophy.* New York: Columbia University Press.

Manẓūr, I. (2018). *Lisān al-ʿArab* (Vol. 1). Beirut: Dar Sadir.

Nasr, S. H. (2006). *Islamic Philosophy from Its Origin to the Present: Philosophy in the Land of Prophecy.* New York: State University of New York Press.

Rahman, F. (1952). *Avicenna's Psychology: A Translation of Kitāb al-Najāt.* London: Oxford University Press.

A

'Abdullāh bin 'Umar
Abū Bakr
ahli falsafah
ahli majlis (*ahl al-majlis*)
aḥwāl
akhlak yang tercela (*al-akhlāq al-raddiyyah*)
al-'ālim al-kāmil
al-'ālim al-nāqiṣ
al-'arūḍ
al-dawāwīn
al-Furqan
al-ghāfilūn
al-Ḥaqq
al-Ḥasan al-Baṣrī
'Alī
al-Junayd al-Baghdādī
al-kalām
al-khilāf
al-mustaghfirūn
al-naḥw
al-nujūm
al-qānitūn
al-Raḥmān
al-Shāri'
al-Shiblī
al-ṭalabah al-mutaqaddimīn
al-ṭarīq al-mustaqīm
al-taṣrīf
al-ṭibb
amar ma'rūf dan nahi munkar
'aqabat al-īmān
'āqilan fahiman
'Arash
ayam jantan
al-dīk

B

baṣīrah
belerang merah (*al-kibrīt al-aḥmar*)
benar (*ṣidq*)
benda-benda pegun (*al-jamādāt*)
berat sebelah (*murā'at al-jānib*)
betul tindak-tanduk terhadap Allah
(*al-istiqāmah ma'a Allāh*)

C

cahaya ma'rifah (*anwār al-ma'rifah*)

D

daqā'iq al-'ulūm
dhawq
dhawqī
dhawqiyyah
Dhū al-Nūn al-Miṣrī

F

faḍā'il al-nafs
farḍu 'ayn
farḍu kifāyah

G

gaung neraka (*al-hāwiyah*)
guru pembimbing (*murshid*)

H

Haji
Ḥātim al-Aṣamm
hiburan dunia (*maylun li al-dunyā*)
hidup orang-orang yang baik (*'īshah al-abrār*)
ḥusn al-khuluq

I

Iḥyā' al-'Ulūm
ilmu *'aqlī* dan *shar'ī*
iman
Injil
irādah
Isa
istiqāmah

J

janji (*wa'ada*)
jurus (*waqār*)

K

kashkāb
kawalan diri (*ṭuma'nīnah al-nafs*)
keadaan (*ḥāl*)
kebongkakan (*mubāhah*)
kecekalan (*badhl al-*
kecenderungan ke arah kesesatan (*al-zayghu*)
kecukupan (*qanā'ah*)
kedengkian (*ḥasad*)
kegelojohan (*al-sa'yu*)
kelalaian hati (*ghaflat al-qalb*)
kembara (*al-sayr*)
kepura-puraan (*al-takalluf*)
keruntuhan batin (*kharāb al-bāṭin*)
keselamatan akhirat (*al-najāt*)
kesengsaraan (*al-shaqāwah*)
ketelitian (*ta'annī*)
keterlibatan dalam kezaliman (*al-muwāfaqat*)
ketiadaan iman yang teguh (*'adami salāmat al-īmān*)
Khidir
kudrat

L

lā yudriku al-ḥaqā'iq
larangan (*al-nawāhī*)
lisan hati (*lisan al-janān*)
lombong kenabian
ma'din al-risālah
luahan (*al-shaṭḥ*)
Luqmān al-Ḥakīm

M

manzil
membesarkan diri (*kibr*)
membodek (*al-mudāhanah*)

memencilkan diri daripada manusia (*al-sukūn*) *'an al-khalq*)
menaruh dendam (*ḥiqd*)
menepati janji (*wafā'*)
muḥsinīn
mujāhadah
Munkar dan Nakīr
murshid
mustaghfir
mustarshid

N

nafsu al-ammārah bi al-sū'

P

pancuran (*al-ṭāmmāt*)
pedang latihan diri (*sayf al-riyāḍah*)
pemberi peringatan (*mudhakkir*)
pemerintah
pendakwah (*wā'iẓ*)
pendidik (*murabbi*)
pendosa (*'āṣī*)
penyakit jahil
perhentian-perhentian (*mawāqif*)
peringatan (*al-tadhkīr*)
perintah (*al-awāmir*)
permusuhan (*'adāwat*)

Q

qada' qadar

R

Ramadan
rasa gerun (*al-ru'b*)
riya'

S

Sa'd bin Mu'ādh'
sā'il
sakanjabīn
salb al-īmān
sālik
Shara'
Ṣiffīn
shubhah
si tertipu
al-maghrūr
solat
Sufyān al-Thawrī

T

tabib
tahajjud
tā'ib
tawakkul
Taurat
tetap pendirian (*sukūn*)
tidur
Topkapi, Istana

Z

Zabur
zād
zakat



Risalah ringkas ini menawarkan peluang untuk menatang nasihat langsung daripada Imam al-Ghazali sendiri. Salah seorang muridnya yang paling lama menulis kepada beliau: Antara timbunan ilmu yang tersedia di dunia ini, yang manakah akan menjadi paling bermanfaat? Ulasnya sekalipun jawapan bagi soalan tersebut boleh dicari dalam karya-karya lain oleh gurunya, dia berhajat agar menerima hikmah langsung daripada al-Ghazali sendiri, agar memadai sebagai pegangannya di sepanjang hayat.

Ayyuha al-Walad merupakan jawapan yang disematkan dengan sentuhan peribadi al-Ghazali sendiri, buat muridnya dan sesiapa sahaja yang berhajat untuk menelusuri jalan yang sama. Dalam nasihat ini, beliau menjelaskan beberapa perkara: hubungan antara ilmu dan amal, peranannya dalam menggapai Syurga, kepentingan solat malam, nasihat-nasihat Luqman al-Hakim kepada puteranya, makna ibadah dan ketaatan, dan pelbagai lagi.

Risalah ini justeru menjadi catatan yang merakamkan hubungan kasih sayang yang berlaku antara seorang guru ummah dan seorang pelajar (yang juga merupakan seorang alim dalam kelasnya yang tersendiri), dan menjadi pedoman buat para pendidik dan penutur atas jalan ilmu.



RM18


ISBN 978-967-0040-44-8
9 789670 040448